Usahawan muda MS 15

Plot tanah PPR MS 4



OKTOBER 1-15, 2018

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# SUKMA Perak:
# Pulau Pinang kumpul 32 pingat emas, atasi pencapaian terdahulu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MSNPP**



**KONTINJEN Pulau Pinang pada Majlis Penutup SUKMA Perak baru-baru ini.**

**IPOH –** Kejayaan kontinjen Pulau Pinang mengumpul 32 pingat emas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Perak Ke-19 berjaya mengatasi pencapaian pada penganjuran terdahulu, di Sarawak.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus berkata, walaupun gagal mencapai sasaran 36 pingat emas sepertimana yang diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebelum ini, namun jumlah pingat emas yang berjaya dibawa pulang adalah amat membanggakan.

"Sebanyak 32 emas yang kita peroleh pada temasya kali ini sudah cukup untuk dibanggakan kerana melebihi pencapaian pada SUKMA Sarawak (2016), iaitu 26 pingat emas.

"Atlet kita (Pulau Pinang) juga dilihat begitu gigih dalam usaha untuk mengharumkan nama negeri dengan memberikan aksi terbaik dalam setiap acara sukan yang ditandingi, syabas dan tahniah," katanya yang juga *Chef De Mission* bagi kontinjen SUKMA Pulau Pinang pada sidang media khas di sini 22 September lalu.

Selain 32 pingat emas, kontinjen Pulau Pinang juga berjaya membawa pulang 30 pingat perak dan 30 gangsa sekali gus meletakkan Pulau Pinang di tangga ketujuh daripada 15 pasukan yang bertanding.

Terengganu muncul sebagai juara dengan mengutip 56 pingat emas diikuti Wilayah Persekutuan (52 emas), Selangor (47 emas), Sarawak (42 emas), Pahang (33 emas) dan negeri-negeri lain.

Pada penganjuran kali ini, acara renang yang berlangsung di Pusat Akuatik di sini dilihat paling mencuri tumpuan apabila kontinjen Pulau Pinang berjaya memungut enam pingat emas, lima perak serta tiga gangsa.

Paling cemerlang, atlet renang wanita, Elynn Tan Yi Lin yang berjaya 'menyapu' lima pingat emas, masing-masing melalui acara 100 meter (m) gaya kuak kupu-kupu, 100m gaya bebas, 50m kuak lentang, 50m gaya kuak kupu-kupu dan 50m gaya bebas.

Satu lagi pingat emas bagi acara renang disumbangkan oleh atlet lelaki, Koay Wern Rui melalui acara 200m gaya bebas.

Turut memperlihatkan prestasi membanggakan adalah acara sukan judo yang berjaya memungut enam pingat emas, dua perak dan dua gangsa.

Emas judo hadir melalui persembahan hebat beberapa atlet antaranya, Loo Qi Min, pasangan Lim Yi Zheng dan Amirul Daniel Abdul Majeed, Ummi Nazeerah Amran, Goh Xuan Le, S. Kamini serta pasangan Siti Nur Aisyah Adzmi dan Tan Kei Yi.

Sebagaimana diramal, sukan karate turut tersenarai antara pasukan yang menyumbang pingat terbanyak bagi kontinjen Pulau Pinang dengan membawa pulang lima emas.

Gelanggang karate di Daerah Muallim ternyata ceria apabila lagu negeri (Untuk Negeri Kita) berkumandang sebanyak lima kali selepas Ivan Oh Theng Wei, pasukan Kata Lelaki, pasukan Kumite Lelaki, pasukan Kata Wanita dan Ariyana Lim Jun Yi berjaya merangkul pingat emas.

Selain itu, pasukan gimnastik artistik juga gah menerusi aksi akrobatik yang memukau sehingga berjaya merangkul lima pingat emas, lima perak dan empat gangsa.

Acara lain yang turut menjadi penyumbang pingat emas bagi kontinjen Pulau Pinang termasuk wushu (tiga emas), badminton dan petanque masing-masing dua emas, manakala acara tinju, memanah, sepak takraw serta silat masing-masing satu emas.

Temasya disertai kira-kira 12,000 atlet melabuhkan tirai di Stadium Perak pada 22 September lalu selepas berakhirnya upacara memadam obor dan menurunkan bendera kejohanan sebelum diserahkan kepada kontinjen negeri Johor sebagai tuan rumah seterusnya pada tahun 2020.

Majlis penutup disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Exco Beliau dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman; Ahmad Faizal Azumu (Menteri Besar Perak); Datuk Osman Sapian (Menteri Besar Johor) serta barisan kepimpinan Negeri dan Pusat turut serta.

Sementara, Wan Azizah dalam ucapannya menzahirkan harapan agar atlet-atlet yang berjaya pada SUKMA kali ini tidak menghentikan perjuangan, sebaliknya meneruskan kecemerlangan sehingga ke peringkat lebih tinggi.

Acara turut diserikan dengan persembahan-persembahan kebudayaan dari negeri Perak dan Johor, pertunjukan bunga api serta persembahan memukau oleh dua artis ternama tanah air, Datuk Jamal Abdillah dan Datuk Awie.

*(Rujuk juga muka 8 & 9).*

# Hari Malaysia perlu dikenang, disambut dengan penuh penghayatan

**SEBERANG JAYA –** Sambutan Hari Malaysia seharusnya dikenang dan diselami dengan penuh penghayatan bukan sahaja dalam kalangan masyarakat majmuk di Sabah dan Sarawak, sebaliknya rakyat Malaysia khususnya.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, sejak Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan 16 September sebagai sambutan Hari Malaysia, sebilangan besar rakyat hanya mengingatinya sebagai hari cuti sahaja, tanpa membawa apa-apa makna.

Katanya, sebahagian besar daripada kita hanya mengingati 31 Ogos 1957 sebagai Hari Kemerdekaan, berbanding dengan penyatuan Sabah dan Sarawak bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu pada 16 September 1963.

"Mentaliti inilah yang harus diubah dan diterap agar Hari Malaysia dikenang serta disambut dengan penuh penghayatan.

"Marilah kita mengingati ini sebagai sebahagian daripada sejarah yang hanya bukan sekadar masa silam, tetapi satu peristiwa yang perlu dihayati dan diteladani sebagai satu pemangkin serta pembangkit semangat dalam pembinaan sebuah negara berbilang bangsa yang kuat dan berjaya," ujar beliau yang merupakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat.

Ahmad Zakiyuddin berkata demikian ketika mewakili Ketua Menteri pada Majlis Sambutan Hari Malaysia 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 16 September lalu.

Menyempurnakan majlis sambutan, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Timbalan Menteri Belia & Sukan, Steven Sim Chee Keong; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri serta Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) turut hadir memeriahkan sambutan itu.

Ahmad Zakiyuddin dalam pada itu turut melahirkan harapan agar rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dan etnik dapat hidup lebih harmoni serta sejahtera dalam suasana negara yang penuh muhibah.

"Marilah kita sama-sama tanamkan sifat muafakat, hidup sejahtera dan aman ke arah kemakmuran yang berkekalan.

"Untuk memastikan semua perancangan, visi, misi dan *blueprint* yang telah dirancang berjaya, negeri Pulau Pinang juga tuntas untuk menjalinkan kerjasama lebih erat dengan Kerajaan Persekutuan sejajar dengan hasrat Malaysia baharu.

"Kerjasama ini diharap membuahkan hasil dan memberikan pulangan yang baik kepada rakyat negeri ini," jelasnya.

Pemenang kawad terbaik bagi kategori badan beruniform sekolah, institut pengajian tinggi dan institut latihan, pancaragam sekolah, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) serta sektor awam sempena Hari Kemerdekaan lalu turut diumumkan pada majlis berkaitan.

Kawad terbaik bagi sektor awam digondol oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara sekaligus membawa pulang piala iringan, piala pusingan dan wang tunai bernilai RM1,000.

Manakala, dua anugerah lain yang turut diumumkan adalah Kontinjen Terbaik yang dinobatkan kepada Jabatan Perpaduan Negara Pulau Pinang dengan anggota perbarisan terbanyak, 1,039 peserta serta Pertandingan Mengibar Dan Menghias Jalur Gemilang, milik Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Rambai Fasa 4, Daerah Seberang Perai Tengah.

## Usaha dakwah 30 tahun akhirnya membuahkan hasil – Tokoh Maal Hijrah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**PRESIDEN** Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI), Kamarudin Abdullah, 50, diangkat sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1440H/2018M.

Anugerah tersebut disampaikan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dalam Majlis Perhimpunan Ummah yang turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman di sini 11 September lalu.

Kamarudin yang terkenal dengan kelantangannya dalam mempertahankan agama Islam turut menerima wang tunai berjumlah RM8,000, trofi serta hadiah sampingan lain.

Ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF**, Kamarudin menzahirkan rasa syukur kerana dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah dan menyifatkan anugerah tersebut sebagai pencapaian terbaik yang diterima sejak berkecimpung di dalam dunia dakwah sejak 30 tahun lalu.

"Selepas memeluk agama Islam, saya bergerak seorang diri dan berguru dengan ramai pakar agama dalam usaha mendalami ilmu berkaitan Islam sebelum mengambil keputusan untuk bergiat dalam aktiviti dakwah.

"Sepanjang 30 tahun dalam dunia dakwah, iaitu sejak dari sebelum dikenali sehingga kini, pelbagai ujian terpaksa saya tempuhi seorang diri.

"Tetapi dengan menjadikan surah Ali'Imran, ayat 139 yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang (sungguh-sungguh) beriman,"* sebagai perangsang membuatkan saya tidak berputus asa dalam memperjuangkan dan meninggikan kalimah Allah," ujarnya yang mempunyai tujuh cahaya mata.

Kamarudin sememangnya terkenal dengan sumbangan beliau kepada masyarakat terutama terhadap saudara baharu sejak mengendalikan kelas saudara baharu sejak 1998.

Selain itu, beliau turut memperkenalkan Kelas Perbandingan Agama (KPA), *Street Dakwah* sempena Maulidur Rasul pada tahun 2006 selain memperkenalkan program *Discover Islam*.

Paling menarik, Kamarudin melancarkan program *'Road To Alaska'* yang bertujuan menyebar dakwah kepada orang bukan Islam secara global pada tahun 2013.



**KAMARUDIN Abdullah (tiga dari kiri) menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah yang disampaikan Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) pada Majlis Himpunan Ummah Sempena Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut mengenai perjalanan dakwahnya, beliau memberitahu bahawa dirinya juga sering diundang sebagai penceramah di stesen-stesen televisyen antaranya, *Peace TV* dan *Huda TV* yang mendapat tontonan oleh 100 juta penonton dari seluruh dunia.

"Saya turut menganjurkan program agama seluruh negara dan di Indonesia dengan membawa penceramah hebat seperti Zakir Naik, Sheikh Yusuf Estes, Sheikh Imran Hosein, William Rodriguez dan lain-lain selain dijemput sebagai fasilitator serta moderator dalam forum-forum berbentuk Islamik," katanya.

Justeru, Kamarudin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) serta Jabatan Agama Islam Pulau Pinang yang mengiktiraf perjuangannya selama ini.

"Walaupun 30 tahun bergelar mualaf, anugerah ini merupakan satu pengiktirafan yang Allah telah berikan kepada saya," jelasnya.

Pemilik Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Arees, Sijil Perbandingan Agama dari Akademik IPCI Afrika Selatan, Sijil Dakwah Discovery Islam Bahrain dan sijil Moderator serta Fasilitator Perbandingan Agama dari Universiti Sains Malaysia (USM) berkenaan seharusnya layak menerima anugerah tersebut.

## Kepelbagaian masyarakat tidak seharusnya membawa perbalahan, sebaliknya saling lengkap-melengkapi – TYT

**SUNGAI DUA -** Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1440H/2018M disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Dengan mengangkat tema 'Menyantuni Umat Membawa Rahmat', sambutan pada tahun ini membawa mesej Islam sebagai agama Rahmatan Lil'Alamin.

Abdul Rahman dalam ucapannya berkata, kepelbagaian masyarakat yang ada pada hari ini tidak seharusnya membawa kepada perbalahan, sebaliknya wajar bersifat saling lengkap-melengkapi dan bekerjasama antara satu sama lain.

"Saya amat tertarik dengan tema tahun ini yang menggambarkan kepentingan dan memperkasakan hubungan sesama kita agar imej Islam sebagai agama yang membawa rahmat itu sentiasa disanjung tinggi sama ada oleh orang Islam atau bukan Islam.

"Oleh itu, sama-samalah kita bermuhasabah diri untuk memastikan amanah serta tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah di bumi ini telah kita laksanakan dengan sebaik mungkin," ucapnya pada Majlis Perhimpunan Ummah Sempena Sambutan Maal Hijrah di sini 11 September 2018.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus menyokong serta menggerakkan usaha untuk memartabatkan agama Islam sepertimana yang terkandung di dalam manifesto pilihan raya lalu.

"Kerajaan Negeri akan mempergiat dan terus menyampaikan mesej Islam sebagai agama Rahmatan Lil'Alamin melalui pelbagai program seperti ceramah, forum dan sebagainya," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Mufti Pulau Pinang, Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan turut hadir.

Majlis sebelum itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan johan Qari Tilawah Al-Quran peringkat Negeri Pulau Pinang, Muhammad Siddiq Muhd. Rosli.

Turut diadakan adalah segmen perkongsian hijrah dipengerusikan Mohamad Nazri Rijal dengan menampilkan Datuk Badli Shah Alauddin dan Ustaz Don Daniyal Don Biyajid sebagai ahli panel.

# PIL1 bentuk sistem penguraian trafik lebih efisien

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang berharap kesesakan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dapat dikurangkan apabila Lebuhraya Penang Island Link 1 (PIL1) dibuka sepenuhnya kepada kenderaan awam kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, PIL1 adalah sebuah komponen penting dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) kerana pembangunan pengangkutan awam sahaja tidak mampu untuk mengurangkan kesesakan di Pulau Pinang.

"Penggunaan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu telah mencapai peringkat maksimum dengan tahap perkhidmatan di skala F *(forced flow)*.

"Keadaan ini disebabkan kawasan berbukit-bukau di tengah-tengah pulau hingga memaksa kenderaan bergerak ke arah timur di sepanjang jalan-jalan tempatan yang sudahpun sedia sesak.

"Jika lebuh raya alternatif ini tidak dibina, kesesakan akan bertambah teruk," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada Sesi Town Hall Cadangan Lebuhraya PIL1 di sini 20 September lalu.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yeo Bee Yin turut berucap pada forum terbuka tersebut selaku tetamu jemputan kehormat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli-ahli Parlimen; Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Ahmad Kamarulnajuib Che Ibrahim dan wakil daripada rakan pelaksana projek, Wiranda (M) Sdn. Bhd..

Atas dasar itu, Kon Yeow memberitahu bahawa PIL1 bakal berfungsi untuk mengalihkan trafik serantau dari hab-hab pekerjaan serta kediaman berketumpatan tinggi di Bayan Lepas ke Persiaran Gurney.

"Untuk kurangkan kesesakan lalu lintas, trafik di sepanjang lebuh raya utama yang menghubungkan utara-selatan Pulau Pinang iaitu Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu perlu dikurangkan dengan trafik dialihkan ke jajaran alternatif.



**SALAH seorang hadirin menyerahkan dokumen berkaitan kepada Ketua Menteri (kiri sekali) dan Yeo Bee Yin (dua dari kiri) pada penganjuran Sesi Townhall Cadangan Lebuhraya PIL1 di sini baru-baru ini.**

"Setelah siap kelak, kenderaan dapat menyusur masuk ke Lebuhraya PIL1 ini melalui enam persimpangan yang terletak di lokasi strategik.

"Ini membentuk Sistem Lingkaran penguraian Trafik yang lebih efisien di kawasan pulau, malah pengangkutan awam seperti bas perantara juga akan berfungsi dengan lebih cekap tanpa perlu melalui kesesakan lalu lintas," jelasnya sambil memaklumkan bahawa penganjuran forum berkenaan adalah bukti ketelusan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan pandangan serta maklum balas daripada orang ramai dalam memahami keperluan rakyat.

Kira-kira 500 hadirin terdiri daripada badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan umum hadir pada penganjuran.

# Menteri jamin caj terhadap syarikat pengendali bas ekspres tidak beban pengguna Penang Sentral

**BAGAN DALAM -** Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook menyatakan bahawa ketetapan kadar caj terhadap syarikat-syarikat pengendali bas awam dan bas ekspres serta sewaan lot komersial di Penang Sentral nanti adalah tidak sehingga membebankan rakyat terbanyak yang menggunakan hab pengangkutan bersepadu tersebut.

"Kita akan berbincang dengan semua pihak berkepentingan terutama syarikat-syarikat pengendali bas.

"Kita (Kementerian) berpendirian bahawa apa-apa kadar tambang (caj terhadap syarikat-syarikat pengendali bas serta kadar sewaan lot komersial) yang dikenakan itu mestilah berpatutan dan tidak membebankan orang ramai.




**ANTHONY Loke Siew Fook (kiri sekali) mencuba perkhidmatan sistem tempahan tiket secara bersepadu pada sesi lawatan beliau ke Penang Sentral di sini baru-baru ini.**

"Kita (Kementerian Pengangkutan) nak lihat kemudahan ini dapat digunakan oleh orang ramai," jelasnya dalam sidang media selepas meninjau sendiri tahap kesediaan kemudahan-kemudahan awam di dalam Penang Sentral dekat Butterworth di sini pada 6 September 2018.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; Lim Hock Seng (bekas ADUN Bagan Jermal merangkap bekas Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti); Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai lawatan kerja berkaitan.

Difahamkan, Penang Sentral dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Persekutuan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan kelak akan diurus oleh syarikat subsidiarinya, Penang Sentral Sdn. Bhd..

Kos projek pemajuan MRCB berkaitan adalah kira-kira RM280 juta dengan nilai pembangunan kasar (GDP) sejumlah RM2.8 bilion.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Pegawai Operasi MRCB, Shareen Iqbal menyatakan bahawa reka bentuk serta sistem perkomputeran bersepadu Penang Sentral adalah termoden dan canggih berbanding sistem pengangkutan bersepadu Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dekat Bandar Tasek Selatan serta KL Sentral, dekat ibu negara Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Siew Fook memberitahu, paling penting adalah sistem tempahan tiket secara bersepadu serta kemudahan-kemudahan lain di Penang Sentral kelak dapat menghapuskan amalan 'ulat tiket' yang ternyata menindas pengguna selama ini.

Dalam lawatan selama sehari, rombongan berkenaan turut meninjau mutu perkhidmatan feri yang menjadi ikon pengangkutan Pulau Pinang, kemudahan stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) serta Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dari Stesen Butterworth ke Jawi.

# Hasrat Pulau Pinang bina LRT akhirnya dipersetujui Menteri, SPAD – KM

**BERTAM –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk membina sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dari George Town ke Bayan Lepas.

Katanya, persetujuan itu dicapai dalam pertemuan wakil Kerajaan Negeri bersama-sama Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook serta wakil SPAD yang berlangsung pada 18 September lalu di Putrajaya.

"Saya boleh sifatkan pertemuan itu sebagai berjaya kerana kita (Kerajaan Negeri) dapat mengambil satu langkah lagi ke hadapan iaitu, ketegasan Kerajaan Negeri untuk membina sistem LRT telah diterima oleh Menteri dan SPAD.

"Dalam pertemuan itu juga, Kerajaan Negeri menegaskan bahawa sistem LRT adalah lebih sesuai dengan keadaan Pulau Pinang berbanding trem seperti yang dicadangkan oleh SPAD baru-baru ini," katanya pada sidang media di sini 21 September lalu.

Penjelasan itu timbul susulan kenyataan terdahulu Siew Fook yang dilaporkan berkata bahawa sistem LRT mungkin bukan pilihan yang sesuai untuk dibina di Pulau Pinang, berdasarkan hasil penyelidikan SPAD.

Malah, Kementerian Pengangkutan sebelum ini turut dilapor mengesyorkan pilihan pengangkutan awam lain yang lebih sesuai di negeri ini adalah seperti trem, Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Bas (BRT) atau lain-lain selain LRT.

Pun begitu, menurut Kon Yeow, terdapat isu teknikal yang perlu diteliti Kerajaan Negeri, sebagaimana dicadangkan SPAD iaitu berkenaan lokasi depoh yang pada asalnya dicadangkan dibina di pulau.

"Memandangkan pulau masih belum dapat ditebus dan belum mendapat kelulusan jadi depoh, maka ia akan dialihkan ke darat iaitu berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang merupakan lokasi untuk stesen LRT terakhir.

"Kita (Kerajaan Negeri) bersetuju dengan cadangan itu sementara kita menunggu kelulusan penebusan pulau.

"Maka, pindaan lokasi depoh akan dibuat dan laporan berkaitan pindaan itu akan dikemukakan kepada SPAD dalam tempoh satu bulan, dan kita (Kerajaan Negeri) berharap dapat serahkan pindaan itu dalam tempoh yang dijanjikan," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Kerajaan Negeri kini dalam proses untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (TMP) yang mengandungi projek LRT, tiga jalan berkembar, terowong dasar laut dan beberapa lagi sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengatasi kesesakan trafik.

# Kenal pasti tujuh plot tanah sebagai pembangunan PPR

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SUNGAI PINANG –** Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sekurang-kurangnya sebidang tanah bagi setiap daerah di negeri ini untuk disyorkan sebagai kawasan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR), ujar Jagdeep Singh Deo.

Beliau yang merupakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa berkata, semua tujuh plot tanah terbabit yang berjumlah hampir 100 ekar adalah membabitkan lima daerah di Pulau Pinang.

Menurut Jagdeep, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengenal pasti dua plot tanah dekat Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya serta masing-masing satu plot bagi Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah yang akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan dalam masa terdekat untuk dipertimbangkan sebagai kawasan pembangunan unit PPR di negeri ini.

"Sekiranya mengikut perspektif ketumpatan (unit rumah) garis panduan pembangunan perumahan, biasanya bagi rumah mampu milik dan ke atas, pihak pemaju hanya boleh membina kira-kira 140 unit per ekar.

"Tetapi, berlainan bagi pembangunan rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR), yang mana ketumpatan untuk rumah jenis ini tiada had ditetapkan Kerajaan Negeri dan (pemaju) boleh bina sebanyak mana yang mereka mahu kerana kita nak galakkan unit KR dan KSR dibina lebih banyak.

"Jadi, untuk tanah-tanah ini, jika sekurang-kurangnya 150 unit PPR dibina untuk setiap ekar tanah, Pulau Pinang bakal mendapat kira-kira 15,000 unit PPR," ujarnya pada lawatan ke tapak pembangunan PPR di Kota Giam, Jelutong di sini 3 September lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan, pembinaan lebih banyak unit PPR adalah langkah yang mampu mengatasi masalah lambakan senarai menunggu unit perumahan negeri yang kini mencecah 1,500 pemohon.

"Jika pembangunan terancang itu terlaksana, hampir 1,500 pemohon daripada senarai menunggu perumahan negeri dapat diselesaikan.

"Jika kita boleh capai jumlah PPR ini, saya yakin Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan masalah golongan berpendapatan rendah yang masih belum memiliki rumah.

"Malah, saya mungkin akan cadangkan separuh daripada unit-unit PPR yang akan dibina ini ditransformasikan kepada kaedah sewa beli memandangkan ada permintaan yang tinggi terhadap kaedah ini," jelasnya sambil memaklumkan bahawa pemohon KR dan KSR yang pinjaman bank masing-masing ditolak sebelum ini juga boleh memiliki rumah menggunakan cara sewa beli.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Fakhurrazi Ibnu Omar (Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Dasar & Pembangunan, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff (Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Pengurusan Perumahan, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri).

Menurut rekod, Pulau Pinang mempunyai jumlah unit PPR terkecil di dalam negara dengan jumlah 999 unit sahaja.

Terdahulu, mengenai perkembangan semasa berkaitan, Jagdeep memberitahu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 31 Julai 2018 telah mengutus sepucuk surat kepada Ketua Menteri yang memohon agar Kerajaan Negeri dapat menyediakan tapak bersesuaian untuk pelaksanaan projek PPR.

"Justeru, saya telah mengarahkan Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha) Kerajaan Negeri supaya memilih tanah yang sesuai, dan hari ini sebanyak tujuh plot tanah akan kita (Pulau Pinang) kemukakan kepada Persekutuan," katanya sambil menzahirkan ucapan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin di atas langkah drastik serta perkembangan positif itu.

## Labuh tukun tiruan halang pencerobohan nelayan pukat tunda




**GOH Choon Aik (berbaju putih) ketika menyempurnakan gimik melabuhkan tukun tiruan di sini baru-baru ini.**

**BATU MAUNG –** Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang melabuhkan 19 unit tukun tiruan jenis 'dasar lembut penghalang pukat tunda' bernilai RM296,619.80 bagi menyekat pencerobohan nelayan pukat tunda yang sering berlaku di perairan negeri ini.

Pengarahnya, Noraisyah Abu Bakar berkata, tukun bersaiz 3 x 3 x 3.8 meter (m) tinggi dengan berat 12 tan setiap unit tersebut dilabuhkan pada jarak 0.7 batu nautika dari Pulau Kendi dan pada kedalaman air laut 15.4m.

"Lokasi yang dipilih ini sesuai kerana kecerunan dasar adalah landai serta mengandungi selut keras selain berdekatan dengan tapak 'tukun dasar lembut' sedia ada.

"Selepas tukun tiruan dilabuhkan, pukat tunda yang tersangkut pada tukun ini akan pecah dan tali penarik akan putus mengakibatkan kerugian besar kepada nelayan yang menceroboh di kawasan kurang lima batu nautika dari pantai," ujarnya pada sidang media di Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini 18 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

Noraisyah mengadakan sidang media sebelum melaksanakan operasi melabuhkan tukun tiruan di Pulau Kendi.

Mengulas lanjut, Noraisyah menyatakan bahawa pembangunan projek tukun tiruan kali kelima itu adalah sebagai satu kaedah pemuliharaan sumber perikanan dan habitat laut dengan meningkatkan sistem ekologi marin.

"Ia (tukun) juga menjadi tempat pembiakan pelbagai jenis ikan seperti kerapu, kerisi, merah, selar kuning, kembung, udang dan sotong.

"Projek pembangunan ini sekaligus dapat menambah pendapatan nelayan tempatan terutamanya nelayan tradisional yang terbabit dengan aktiviti memancing.

"Oleh itu, Jabatan Perikanan berharap komuniti setempat dapat memberikan kerjasama dengan melakukan pemantauan terhadap tukun yang dilabuhkan ini dan turut terlibat secara aktif bagi membantu menyelenggara tukun-tukun yang dilabuhkan," saran beliau.

Difahamkan, sebanyak empat projek melabuhkan tukun telah dilaksanakan Jabatan Perikanan di Pulau Kendi sejak tahun 2008 hingga 2010 yang melibatkan jenis 'tukun rekreasi', 'dasar lembut' dan 'dasar lembut penghalang pukat tunda'.

## Had umur mohon pinjaman TUT dinaikan kepada 60 tahun

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) pada Mac lalu bersetuju menambah baik syarat pinjaman Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang dengan menaikkan had umur pemohon kepada 60 tahun.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada Majlis Penyampaian Cek TUT Kali Ke-9 bertempat di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Afif berkata, rombakan syarat dan penambahbaikan tersebut adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memberikan bantuan kepada usahawan-usahawan di Pulau Pinang agar dapat meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

"Bagi pemohon yang berumur 40 tahun ke bawah, jumlah pinjaman adalah bernilai RM6,000.

"Manakala, peminjam yang berumur atas 40 tahun sehingga 60 tahun, jumlahnya (pinjaman) bernilai RM5,000.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah memperuntukkan RM250,000 setahun untuk tabung ini bagi memberi galakan kepada para pengusaha menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya.

"Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk meningkatkan bantuan pinjaman daripada RM5,000 kepada RM10,000, RM15,000 dan RM20,000," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

TUT dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan telah dijenamakan semula ekoran rombakan syarat berkaitan.

Hadir sama, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik, Muhammad Yusoff Mohd. Noor (ADUN Sungai Dua), Jeffrey Chew (Timbalan Pengurus Besar II PDC) dan Rozaidi Abdul Rahman Abdul Rahman (Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang).

Pada majlis berkaitan, seramai 18 usahawan menerima cek pinjaman masing-masing menjadikan jumlah keseluruhan penerima TUT sehingga kini adalah mencecah 110 penerima.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM582,000 kepada penerima TUT dan pinjaman berkaitan masih berbaki RM168,000 daripada jumlah keseluruhan RM750,000.

"Jumlah penerima (usahawan) masih belum mencapai sasaran.

"Duit tabung ini masih berbaki, jangan persia-siakan peluang ini...ia sepatutnya diuar-uarkan kepada usahawan-usahawan lain agar mereka pun sama mendapat manfaat yang kita (Kerajaan Negeri) sediakan ini.

"Diharap lebih ramai pemohon akan tampil untuk Kerajaan Negeri bantu usahawan pertanian, penternakan dan perikanan mengembangkan perusahaan mereka," ujarnya sambil mengingatkan para penerima agar lebih bertanggungjawab memastikan pinjaman dibayar semula mengikut perjanjian yang telah ditetapkan.



**DR. Afif Bahardin (berkemeja batik) bergambar kenangan dengan barisan penerima pinjaman pada Majlis Penyampaian Cek TUT Kali Ke-9 di sini baru-baru ini.**

# Segerakan projek tebatan banjir jangka panjang, gesa Exco kepada Pusat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **J. PATMAVATHY**



**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali), R.S.N. Rayer (dua dari kiri) bersama-sama jawatankuasa setempat mengadakan lawatan ke lembangan Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

**DATUK KERAMAT -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang komited melaksanakan 12 projek tebatan banjir jangka pendek dan sederhana yang melibatkan lembangan Sungai Pinang, dengan kos kira-kira RM17 juta.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata demikian dalam satu majlis memperingati bencana banjir yang melanda Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat pada tahun lalu.

"Pulau Pinang akan meneruskan projek-projek tebatan banjir jangka pendek dan sederhana.

"Ini, termasuk kerja-kerja pelebaran, pembersihan dan pemisahan Sungai Pinang serta anak sungai, dan peningkatan serta penggantian sistem perparitan di kawasan sekitar sungai-sungai tersebut.

"Manakala, Kerajaan 'Persekutuan Malaysia Baharu' komited untuk meneruskan dan menyelesaikan projek tebatan banjir Sungai Pinang jangka panjang yang telah lama diabaikan oleh kerajaan BN (Barisan Nasional) terdahulu," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media pada 15 September 2018.

Turut serta, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer, melawat keadaan Sungai Pinang berhampiran Stadium Bandaraya di sini.

Menganggap pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 9 Mei lalu sebagai era Malaysia Baharu, Jagdeep berharap projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) jangka panjang yang tertangguh kira-kira 20 tahun di bawah pentadbiran terdahulu BN, dapat dipercepatkan oleh Kerajaan Persekutuan hari ini.

Pada majlis sama, Jagdeep turut menyerahkan kanopi kepada penjaja setempat, simbol Kerajaan Negeri cakna rakyat.

## Urusan perpindahan sekolah kurang murid, Kerajaan Negeri sedia bantu Kementerian

**PENAGA –** Kerajaan Negeri sentiasa bersedia membantu pihak Kementerian Pendidikan untuk memudahkan urusan perpindahan sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah kurang murid di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri akan memberikan kerjasama penuh termasuk mencari tapak tanah yang bersesuaian untuk penempatan semula sekolah kurang murid.

"Kerajaan Negeri sebenarnya telah mengenal pasti satu tapak di bandar pemajuan baharu di Batu Kawan yang boleh dibangunkan, walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan dan menyemak prosedur sedia ada sekiranya perlu.

"(Hal ini kerana), pemindahan sekolah kebiasaannya dilakukan secara berperingkat (melibatkan banyak proses) kerana pihak Kementerian Pendidikan termasuk Kerajaan Negeri sendiri berdepan cabaran untuk mendapatkan tapak tanah.



**KETUA Menteri meramahi salah seorang pelajar SJKC Kuang Yu bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

"(Dan) di Pulau Pinang bukan hanya satu kes yang melibatkan pemindahan sekolah, tetapi ada beberapa kes lain yang juga memerlukan pertimbangan sewajarnya," katanya pada sidang media sejurus mengadakan lawatan ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kuang Yu dekat Kuala Muda di sini 25 September lalu.

Menurut Kon Yeow, pada 18 Jun lalu, beliau menerima sepucuk surat daripada Lembaga Pengurusan SJKC Kuang Yu yang menyatakan hasrat untuk memindahkan sekolah terbabit.

"Lembaga Pengurusan Sekolah sudah membuat keputusan untuk memindahkan sekolah terbabit memandangkan bilangan murid menurun (mungkin disebabkan) penghijrahan keluarga bangsa Cina ke kawasan lain.

"Terkini, sekolah ini mempunyai 18 murid yang masih meneruskan pembelajaran di sini termasuk seorang murid Darjah 6, dan pihak sekolah juga tidak pasti berapa ramai murid yang akan mendaftar masuk pada masa hadapan.

"Jadi, saya amat berharap, sama ada Jabatan Pendidikan Negeri ataupun pihak Kementerian (Pendidikan) termasuk Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh di bawah YB Chong Eng untuk sama-sama membantu serta mencari penyelesaian terbaik untuk memudahkan keperluan perpindahan SJKC Kuang Yu.

"Saya juga tidak pasti sama ada SJKC Kuang Yu akan dipindahkan ke lokasi baharu (kawasan berpotensi ramai murid) atau dibangunkan sebuah sekolah baharu di Batu Kawan," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah.

Difahamkan, pemindahan sesebuah sekolah adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, antaranya persetujuan 100 peratus ibu bapa dan juga kesediaan tapak baharu serta dana pembangunan sekolah.

## Menteri jamin akan naik taraf PIA

**GEORGE TOWN –** Kementerian Pengangkutan (MOT) memberi jaminan akan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Malah Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, pembesaran lapangan terbang itu perlu memandangkan ia sudah melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang setahun, iaitu menguruskan 7.1 juta ketibaan penumpang.

"Projek pembesaran PIA ini antara yang berada di senarai teratas bagi kategori lapangan terbang yang perlu diperbesarkan.

"Walau bagaimanapun, Kementerian (MOT) sedang dalam proses penting menyemak semua kertas cadangan dan proses ini dilaksanakan dengan kadar segera.

"(Dan) Kementerian juga belum memutuskan sama ada akan membina bangunan baharu yang berasingan atau di terminal yang sama.

"Kita (Kementerian) akan membuat pengumuman sebaik sahaja kata putus dicapai," katanya pada suatu sidang media di sini baru-baru ini.

Ditanya sama ada Pulau Pinang memerlukan sebuah Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT), Siew Fook menyatakan bahawa tiada sebarang kelulusan diberikan setakat ini.

"Setakat yang kami (MOT) maklum, kami tidak memberi sebarang persetujuan kepada *Air Asia* (Air Asia Group Berhad) untuk pembinaan LCCT, namun yang pasti PIA akan diperbesarkan," tegasnya.

Terdahulu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng memberitahu, kerajaan sedang melihat cadangan untuk membina LCCT bersebelahan PIA dekat Bayan Lepas serta sedang dalam perbincangan dengan *Air Asia* dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berhubung cadangan berkaitan.

Juga, sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia, Tan Sri Tony Fernandes pada 30 Julai lalu turut menyuarakan hasrat untuk membina sebuah LCCT pada kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri, Chow Kon Yeow di pejabatnya di Komtar.

# Projek RMM Jalan S.P. Chelliah terima penarafan GBI bertaraf emas

**GEORGE TOWN –** Projek Rumah Mampu Milik (RMM) dekat Jalan S.P. Chelliah di sini menjadi projek pertama bagi kategori rumah mampu milik (RMM) di negara ini yang akan menerima sijil Indeks Bangunan Hijau (Green Building Indeks, GBI) bertaraf emas.

Perkara itu dimaklumkan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada sidang media dekat tapak projek perumahan berkenaan di sini 12 September lalu.

"Satu lagi adalah rumah kategori kos sederhana rendah (KSR) juga akan menerima pensijilan GBI, walaupun bukan bertaraf emas, tapi ia merupakan KSR pertama yang menerima pensijilan ini.

"Ini adalah pencapaian yang begitu baik untuk negeri Pulau Pinang kerana ia selaras dengan hasrat kita (Kerajaan Negeri) untuk menjadi bukan sahaja bersih dan hijau, malah juga negeri pintar.

"Oleh itu, saya berharap pencapaian ini akan menjadi satu penanda aras kepada semua projek Kerajaan Negeri yang lain," ujarnya.

GBI merupakan sistem penarafan yang mengambil kira beberapa ciri termasuk kelengkapan menjimatkan tenaga dan sumber seperti bumbung sejuk, panel tenaga solar, alat kecekapan air, perisian penuaian air hujan serta pengurusan sisa betul.

Terdapat empat kategori bagi klasifikasi untuk GBI iaitu, Disahkan *(Certified)*, Perak *(Silver)*, Emas *(Gold)* dan Platinum yang mana penilaian adalah bergantung kepada bilangan mata yang diberikan kepada bangunan selepas pemeriksaan.

Justeru, menurut Jagdeep, beliau akan meminta pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai agensi pelaksana untuk meneliti semula sama ada projek-projek di peringkat Kerajaan Negeri mampu dilaksanakan mengikut konsep perumahan di Jalan S.P. Chelliah.

"Ini juga akan menjadi contoh kepada pihak pemaju swasta lain untuk mencontohi pembinaan projek ini kerana jika kita (Kerajaan Negeri) mampu buat, mereka (pihak swasta) juga mesti mampu buat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Hadir sama, Presiden Bahagian Utara Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Datuk Ar. Lawrence Lim Hua Kwang; Pengerusi Persekutuan Bangunan Hijau Malaysia, Baylon Tham Wai Leong dan Pengarah Eksekutif Edasas Aarchitects Sdn. Bhd., Ar. Muhammad Md. Hashim.

Difahamkan, projek perumahan di Jalan S.P. Chelliah dibangunkan oleh PDC dengan kerjasama pemaju, Zubicon Sdn. Bhd. di atas sebidang tanah berkeluasan 11.04 ekar milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

Ia terdiri daripada 2,093 unit yang mana sebanyak 770 unit adalah rumah kos sederhana rendah berharga RM72,000 seunit selain RMM berharga RM200,000 (883 unit), RM300,000 (165) dan RM400,000 (275) yang dijangka bakal menerima Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) pada Mac 2019 serta Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Jun 2019.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep juga berpendapat bahawa harga rumah di negara ini wajar diturunkan sekiranya bahan-bahan binaan dikecualikan daripada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebagaimana diumumkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng sebelum ini.

"Saya gembira kerana pihak REDHA (Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia) sedia menurunkan harga rumah antara enam peratus bagi rumah mampu milik berharga bawah RM300,000, dan 10 peratus bagi rumah biasa.

"(Dan) Saya akan bawa perkara ini kepada barisan Exco untuk melihat apakah polisi atau hala tuju kita (Kerajaan Negeri) setelah pengumuman ini dibuat bagi projek-projek yang akan datang," katanya.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) dan wakil-wakil berkaitan bergambar kenangan dengan berlatarbelakangkan projek perumahan Jalan S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.**

## Dua bulan untuk umum kritik, beri cadangan terhadap draf RSNPP 2030

**GEORGE TOWN –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berharap semua pihak dapat memberikan cadangan serta kritikan terhadap draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) dalam tempoh dua bulan mulai 18 September hingga 19 November ini.

Menurut beliau, draf RSNPP 2030 merupakan satu dokumen kajian semula terhadap RSNPP 2020 yang telah diwartakan sebelum ini iaitu pada Jun 2017.

"Saya harap dalam tempoh dua bulan ini, kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja mahu bantahan, malah input juga, kerana input bukan kritikan semata-mata.

"Kalau nak kritik pun, kita akan mendengar, tapi apakah alternatif, kita (Kerajaan Negeri) nak dengar," ujar Jagdeep dalam Majlis Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RSNPP 2030 di sini 18 September 2018.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berucap mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Turut berucap, Pengarah PLANMalaysia @ Pulau Pinang, TPr. Idris Abd. Rahman.

Barisan ADUN, Ketua-Ketua Jabatan serta beberapa pihak berkepentingan turut sertai majlis pelancaran draf dokumen bertulis RSNPP 2030 tersebut.

Dalam tempoh tiga bulan ini, menurut Jagdeep, pameran awam dibuat pada waktu pejabat di Komtar, Dewan Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dekat Padang Kota dan Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Seberang Jaya.

Tambah beliau, draf itu turut boleh dicapai menerusi telefon pintar masing-masing dengan memuat turun Aplikasi DRSNPP2030 di *Google Play Store*.

Dalam sidang media selepas itu, Jagdeep ditanya sejauh mana draf RSNPP 2030 yang bakal diwartakan kelak akan dilaksanakan secara menyeluruh, memandangkan RSNPP 2030 sebelum ini pada tahun 2012 pernah dinilai semula selepas lima tahun, lalu dibuat beberapa pindaan, tapi tidak diwartakan untuk tujuan pelaksanaan sepenuhnya.

Dalam reaksi spontan, beliau menjelaskan bahawa tujuan penganjuran majlis pelancaran berkaitan sebenarnya adalah prosedur berdasarkan peruntukan perundangan, untuk memastikan pewartaan RSNPP 2030 kelak.

"Ini menunjukkan bukti komitmen kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang), sebagaimana diperuntukan dalam undang-undang.

"Dalam peruntukan perundangan (iaitu) Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976, ada pelbagai proses yang kita perlu lakukan, sehinggalah (draf) dokumen (RSNPP) itu dapat diwartakan.

"Apa yang berlaku kini adalah menunjukkan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) sedang mengikut prosedur, yang akan membawa kepada pewartaan dokumen (RSNPP 2030) ini," jelasnya.

Menurut akta, tambah Jagdeep, tempoh orang awam memberikan maklum balas terhadap RSNPP adalah sebulan, tetapi Kerajaan Negeri melanjutkan selama dua bulan untuk mendapatkan lebih banyak kritikan, bantahan, ulasan serta cadangan daripada semua pihak berkepentingan.

Difahamkan RSNPP berkenaan adalah 'ibu perancangan' bagi semua dasar pembangunan serta peta guna tanah utama di peringkat negeri.

Di bawah atau berdasarkan RSNPP yang diwartakan ini, barulah diwujudkan Rancangan-rancangan Tempatan (Local Plan) seterusnya Rancangan Kawasan Khas (RKK).

## *Escape* lebarkan sayap ke Linyi, China

**GEORGE TOWN –** Taman tema No. 1 di Malaysia, *Escape* yang terletak di Teluk Bahang, melebarkan sayapnya ke Linyi di wilayah Shandong, China.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Taman Tema Escape merupakan salah satu contoh pembangunan terbaik tanpa memusnahkan alam sekitar.

"Badan-badan bukan kerajaan (NGO) seharusnya tidak terlalu stereotaip atau mengaitkan semua pembangunan memusnahkan dan membawa bencana terhadap komuniti.

"Keputusan kerajaan pula tidak harus dimuktamadkan untuk kumpulan minoriti, sebaliknya perlu memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

"Sekiranya kerajaan tidak tegas dengan pendirian dan keputusan yang dilakukan, maka kita akan terlepas banyak peluang pekerjaan serta perniagaan untuk komuniti setempat termasuk para pelancong yang datang ke *Escape*.

"(Dan) saya amat berbangga apabila jenama Pulau Pinang, *Escape* ini akan dibangunkan di China," ucapnya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Antara Kumpulan Sim Leisure dan Fei Country Wonderstone Town Development Co. Limited di sini baru-baru ini.

MoU ditandatangani antara Pengasas yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sim Leisure, Sim Choo Kheng dan Pengarah Eksekutif *Fei Country Wonderstone Town Development Co. Limited*, Sun Bowen di hadapan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Dalam pada itu, Choo Kheng ketika ditemui berkata, pembinaan taman tema baharu itu akan mengetengahkan gaya 'kampung' dan akan mula dibangunkan pada suku pertama 2019.

"Beza antara taman tema yang akan dibangunkan di Linyi dengan taman tema di Teluk Bahang ini adalah tiada taman permainan air disebabkan oleh faktor musim sejuk.

"Kumpulan Sim Leisure sudah melaburkan RM59 juta bagi fasa pertama, dan dijangka akan disiapkan dalam tempoh 15 bulan.

"Bagi keseluruhan pula, dijangka taman tema tersebut akan siap dalam masa lima tahun dengan jumlah pelaburan mencecah RM200 juta," ujarnya yang turut memaklumkan bahawa Fasa 3 *Escape* di Teluk Bahang akan siap menjelang sambutan Tahun Baru Cina 2019.

Difahamkan, Fasa 3 tersebut akan merangkumi taman permainan graviti iaitu jambatan gantung yang menyambungkan dua taman sedia ada iaitu taman pengembaraan dan taman permainan air.

Sebagai rekod, Taman Tema Escape di Teluk Bahang turut mencatat rekod dunia 'Gelongsor Air Terpanjang di Dunia' dalam *World Guinness Records* pada 2017.

# PBAPP alu-alukan langkah Pusat haram pembalakan Ulu Muda

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menzahirkan penghargaan terhadap langkah Putrajaya mengharamkan aktiviti pembalakan Ulu Muda, Kedah.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan berita bertarikh 4 dan 5 September lalu berhubung kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Dr. Xavier Jayakumar yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah bersetuju mengenai larangan pembalakan di Ulu Muda.

"Dalam konteks ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar Kedah, YAB Datuk Seri Mukhriz Mahathir, kerana keputusan penting ini...juga kepada YB Dr. Xavier kerana memudahkan tindakan yang ditunggu-tunggu ini," katanya dalam satu kenyataan bertulis pada 6 September 2018.

Menurut Jaseni, larangan pembalakan di Ulu Muda adalah bagi melindungi kawasan tadahan air yang paling penting untuk tiga negeri utama di utara Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Baginya, Kementerian juga wajar mempertimbang cadangan mewartakan undang-undang untuk melindungi kawasan hijau Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air.

"Langkah untuk melindungi Ulu Muda perlu disokong oleh undang-undang...memastikan perlindungan undang-undang meliputi keseluruhan kawasan hutan hujan Ulu Muda yang merangkumi 163,103 hektar," tegasnya.

Jaseni dalam pada itu, turut mencadangkan supaya Putrajaya mewujudkan agensi penguatkuasaan untuk menguatkuasakan undang-undang di kawasan berkenaan.

"Tindakan tegas dan segera yang diambil Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Kedah dan Kerajaan Persekutuan baharu ini adalah pernyataan positif yang berniat baik," jelasnya.




IR. Jaseni Maidinsa.

## Portfolio Transformasi Digital demi hadapi cabaran teknologi

**SEBERANG JAYA -** Satu portfolio baru iaitu Transformasi Digital akan diwujudkan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK), kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurutnya, langkah itu adalah demi memastikan Kerajaan Negeri bersedia dalam menghadapi cabaran teknologi sekaligus melonjak potensi Pulau Pinang ke satu transformasi digital baharu.

"Kerajaan Negeri sudah berbincang dan memutuskan untuk membentangkan satu kertas kerja bagi menubuhkan satu portfolio bagi memimpin negeri dan menyediakan infrastruktur kerjasama dengan pelbagai pihak.

"(Dan) memandangkan MMK ini sesuatu yang penting, maka saya sendiri akan memimpin portfolio ini," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan Program Digital Ekonomi Dalam Pembangunan Usahawan dekat Wisma Perkeso di sini 15 September lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti barisan penasihat bagi portfolio berkenaan yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*, ICT).

"Atau mungkin mereka yang sudah bersara dari syarikat-syarikat komunikasi besar di Pulau Pinang tapi mempunyai pengalaman serta kepakaran untuk memberi idea dan mengenal pasti bidang-bidang yang boleh diterokai oleh Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap Pulau Pinang berada di landasan yang baik untuk terus maju kerana jika langkah ini tidak diambil kita pasti akan ketinggalan," katanya.




Oleh: **ME**

*(Dari muka 1).*

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS, NUR AFIQAH ZAINUDI & CHAN KOK KUAN**

# Syabas!






ELYNN Tan Yi Lin muncul sebagai atlet yang membawa pulang pingat emas terbanyak untuk Pulau Pinang.

BARISAN atlet judo yang beraksi cemerlang dan membawa pulang enam pingat emas.



TEH Chee Chong (kiri) dan Mohd. Amirul Husni Zabidi masing-masing menyumbang satu pingat emas dan gangsa dalam acara wushu sanda (tempur).



REGU emas sepak takraw berjaya menepati sasaran sebagai juara antara regu.




M. Khambeswaran (kiri sekali) menduduki tempat kedua dalam acara memanah kompaun individu.




PASUKAN gimnastik artistik yang turut menunjukkan aksi cemerlang.



SKUAD badminton mengangkat plakad 10 setelah berjaya memperoleh pingat emas ke-10 melalui berpasukan lelaki.

*(Dari muka 1).*

# Upacara pembukaan SUKMA Perak berlangsung meriah, gilang-gemilang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**IPOH** – Upacara pembukaan Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-19 berlangsung meriah dalam suasana gilang-gemilang di Stadium Perak di sini 11 September lalu.

Kontinjen Pulau Pinang seramai kira-kira lebih 400 atlet yang diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap *Chef De Mission*, Dato' Seri Farizan Darus merupakan kontinjen kesembilan berarak masuk.

Perbarisan turut disertai Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An.

Kontinjen negeri kelihatan segak bergaya sambil mengenakan pakaian berwarna biru kuning melambangkan bendera Pulau Pinang.

Majlis perasmian disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dengan simbolik menyalakan obor temasya SUKMA.

Hadir sama, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman; Timbalan Menteri Belia dan Sukan merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi Belia dan Sukan, Ong Ah Teong dan Daniel Gooi Zi Sen serta barisan kepimpinan Pusat dan negeri.

Majlis berlangsung dengan pertunjukan penuh warna-warni yang menonjolkan kepelbagaian budaya termasuk teater Indera Sakti dari pelbagai kaum, persembahan pencahayaan, pancaragam sekolah-sekolah, tarian *war cry* dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pertunjukkan bunga api.

Sebanyak 29 acara sukan dipertandingkan pada SUKMA kali ini melibatkan kira-kira 12,000 atlet yang mewakili 15 kontinjen dari seluruh negara termasuk dari negara Brunei Darussalam.



**FARIZAN Darus dan Frederick Tan Teck An turut menyertai perarakan bersama-sama kontinjen Pulau Pinang pada upacara pembukaan baru-baru ini.**

## Wushu wanita, mulakan kutipan emas kontinjen Pulau Pinang

**IPOH** – Atlet wushu wanita, Chan Lu Yi berjaya meniup semangat kontinjen Pulau Pinang apabila meraih pingat emas dalam acara *taujiquan* pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Perak di sini 12 September lalu.

Lu Yi, 21, yang beraksi sebagai peserta ketiga unggul mempertahankan pungutan mata 9.52 tanpa digugat sehingga persembahan peserta terakhir.

Beliau yang ditemui di Dewan Kolej Matrikulasi Gopeng menzahirkan rasa gembira ekoran dapat menghadiahkan emas pertama buat kontinjen negeri.

"Saya amat gembira kerana menjadi atlet pertama menyumbangkan (pingat) emas untuk kontinjen Pulau Pinang, dan saya harap atlet lain juga dapat menyumbang emas untuk mengharumkan nama negeri," ujarnya yang kini menuntut dalam bidang perubatan di sebuah universiti swasta dekat ibu negara.

Seorang lagi atlet wushu wanita, Aggie Cheah Ruey Shin menambah emas kedua bagi kategori *cangquan* selepas mengenepikan 17 cabaran peserta lain dengan pungutan mata 9.62 sekaligus mengubati kekecewaan pusingan sebelum ini selepas gagal mendapat pingat.

"Saya juga gembira dapat menyumbangkan pingat untuk Pulau Pinang, namun dari segi persembahan, saya masih belum berpuas hati.

"Kini, saya akan fokus kepada persediaan untuk pemilihan Sukan SEA yang akan diadakan di Filipina tahun depan," jelas atlet kebangsaan yang menceburi wushu sejak berusia 11 tahun itu.

Manakala, atlet wushu lelaki, Chuah ShangYang hanya mampu berpuas hati di tempat kedua bagi acara *nandao* dan ketiga bagi acara *nanquan* untuk pingat perak serta gangsa.

Antara aksi kontinjen Pulau Pinang yang turut mencuri tumpuan adalah acara judo dengan kejayaan membawa pulang satu perak dan gangsa (2).

Pingat perak dimenangi Chan Por Hao bagi Kategori 73 kilogram (kg) dan dua gangsa masing-masing milik Nur Dania Rosaini bagi judo wanita (63kg) dan Leon Cheah Jun Xian Hong, (judo wanita, 60kg).

Hadir sama, Timbalan Chef De Mission Kontinjen Pulau Pinang, Cheah Ban Cheang dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Frederick Tan Teck An.



**(Dari kiri), CHUAH ShangYang, Aggie Cheah Ruey Shin, Chan Lu Yi dan Muhamad Danish Aizad Mohd Firdaus Chua masing-masing menunjukkan pingat yang dimenangi.**




**PASUKAN judo yang turut menyumbang kepada pungutan pingat.**

## Atlet wushu sumbang pingat pertama Pulau Pinang

**IPOH** – Atlet wushu Pulau Pinang, Muhammad Danish Aizad Mohd. Firdaus Chua menyumbang pingat pertama buat kontinjen Sukan Malaysia (SUKMA) Pulau Pinang selepas meraih pingat perak bagi kategori *gunshu*.

Muhammad Danish Aizad, 14, menyatakan pada mulanya beliau sendiri tidak menyangka mampu mencapai pencapaian tersebut.

"Saya masih terkejut tetapi gembiralah dapat perak sebab saya pun tak jangka menang pingat," ujar pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Permatang Rawa tersebut di sini 11 September lalu.

Pada aksi final yang berlangsung di Dewan Kolej Matrikulasi Gopeng, Muhammad Danish mengumpul 9.45 mata dan hanya ketinggalan 0.13 mata kepada atlet Melaka, Tan Cheog Wan yang memenangi pingat emas.

Pegawai Sukan bagi wushu, Tan Kheng Hong memberitahu, pihaknya menyasarkan pingat kepada Muhammad Danish cuma tidak pasti 'warna' yang akan dibawa pulang.

"Pencapaiannya, saya rasa bagus memandangkan beliau boleh dikatakan sebagai *junior* berbanding dengan atlet yang juara.

"Pada Julai lalu, beliau muncul juara di kejohanan wushu dunia di Brazil bagi Kategori Bawah 15 Tahun," jelasnya.

# '*Knowledge Exchange @PPAPP*', perkongsian bahan bacaan secara percuma

**SEBERANG JAYA -** Di perkarangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, asal pondok jaga ditukar guna menjadi '*Knowledge Exchange @PPAPP*'.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, tujuan penubuhan pusat berkenaan adalah demi membolehkan pengunjung meletakkan sebarang koleksi bacaan seperti buku, majalah ataupun bahan media untuk dikongsi pengguna lain.

"Tukar guna pondok jaga menjadi Pusat Perkongsian Ilmu bakal memberi peluang kepada umum untuk kitar semula ilmu dengan menghantar bahan-bahan bacaan terpakai di sini.

"Semua buku di sini boleh dimiliki secara percuma, dan jika mahu menukar sesuatu buku dengan bahan bacaan di sini pun, tukaran bacaan adalah secara percuma juga," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal pada Majlis Pelancaran Program Knowledge Exchange @ PPAPP di sini 6 September 2018.

Berucap pada majlis sama, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Sharimah Salleh menyatakan bahawa dengan pembukaan '*Knowledge Exchange @PPAPP*', ia sekaligus memberi ruang untuk pentadbirannya sendiri meletakkan buku-buku sumbangan awam yang begitu banyak, bagi dimiliki oleh pengguna secara percuma.

"Kita (PPAPP) menerima sumbangan buku terlalu banyak daripada orang ramai, tapi sesetengah buku itu ada yang tidak sesuai mengikut kriteria kita untuk dijadikan koleksi perpustakaan.

"Dan, kita tidak mahu ia menjadi suatu isu kelak iaitu penyumbang buku mempertikai kenapa sumbangannya tiada dalam koleksi perpustakaan, maka dengan adanya pusat ini, dapatlah dielakkan pembaziran pada lambakan bahan bacaan ini," jelasnya.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Khong Chee Seong turut sertai majlis perasmian pelancaran berkaitan.




**(Dari kanan), SOON Lip Chee, Khong Chee Seong dan Sharimah Salleh pada Majlis Pelancaran Program Knowledge Exchange @ PPAPP di sini baru-baru ini.**

# JPJ lancar kaunter bergerak, mudahkan urusan penduduk di SPS

**JAWI –** Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melancarkan perkhidmatan kaunter bergerak bertempat di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (SPS) yang beroperasi setiap hari Isnin bermula 3 September lalu.

Majlis pelancaran perkhidmatan berkenaan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dr. Amar Pritpal Abdullah di sini.




**DR. Amar Pritpal Abdullah (kanan sekali) mencuba perkhidmatan kaunter bergerak JPJ sejurus pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Amar Pritpal dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada pihak JPJ di atas inisiatif tersebut yang bakal memudahkan urusan kira-kira 191,000 penduduk di daerah berkenaan.

"Sebelum ini, penduduk di SPS terpaksa pergi ke Seberang Jaya (Seberang Perai Tengah) untuk menyelesaikan semua urusan berkaitan JPJ.

"Oleh itu, saya amat mengalu-alukan usaha ini demi keselesaan penduduk ditambah lagi dengan lokasi dipilih adalah amat sesuai iaitu di Kompleks Pejabat Kerajaan yang menempatkan semua jabatan kerajaan," ujarnya pada majlis berkaitan.

Justeru, Amar Pritpal menyatakan bahawa bagi memastikan maklumat berkaitan perkhidmatan itu benar-benar sampai kepada penduduk, pelbagai promosi dan hebahan perlu dibuat oleh semua pihak terutama ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

"Jadi, marilah kita bersama-sama menggembleng segala sumber yang ada untuk meningkatkan lagi kesejahteraan masyarakat di samping memberikan perkhidmatan terbaik kepada seluruh penduduk di negeri ini," serunya.

Dalam pada itu, Pengarah JPJ Pulau Pinang, Mohamat Johari Mat Nor memberitahu, antara urus niaga disediakan melalui perkhidmatan yang dibuka bermula jam 10 pagi hingga 3 petang itu adalah termasuk pembaharuan lesen memandu (CDL sahaja); pembaharuan cukai jalan; semakan dan bayaran saman JPJ.

"Pendaftaran My ID (ID portal awam) dan pemeriksaan motosikal secara percuma juga boleh dilakukan melalui perkhidmatan kaunter bergerak berkenaan," jelasnya.

Hadir sama, ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye; Zulkifli Ibrahim (ADUN Sungai Acheh); Pegawai Daerah SPS, Yazman Yahya, Ketua-ketua Jabatan serta beberapa pengerusi JKKK.



# PPSB, RCCL jalin usahasama bangunkan semula terminal kapal persiaran

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) dan *Royal Caribbean Cruises Limited* (RCCL) memeterai perjanjian usahasama bernilai RM155 juta bagi membangunkan semula Terminal Kapal Persiaran Jeti Swettenham (SPCT).

Perjanjian berkaitan dimeterai Pengerusi PPSB, Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza bersama-sama Gavin Smith (Naib Presiden Kanan, RCCL International) dengan disaksikan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang turut menyaksikan pemeteraian berkaitan berkata, perjanjian usahasama itu bakal membuka lembaran baharu bukan sahaja untuk Pulau Pinang, malah untuk negara.

"Terminal Kapal Persiaran Jeti Swettenham merupakan mercu tanda George Town, dan ia kini menjadi salah satu destinasi unggul persinggahan kapal-kapal persiaran di Asia.

"Tahun lalu, lebih 1.2 juta penumpang tiba di Pulau Pinang melalui Jeti Swettenham, dan saya difahamkan, selepas pembangunan semula ini ia akan memberi ruang lebih luas untuk kapal-kapal persiaran besar berlabuh di sini.

"(Dan) ia akan menjadi detik yang membanggakan dalam sejarah Pulau Pinang apabila kapal-kapal persiaran besar dunia mengadakan pelayaran sulung dan berlabuh di Jeti Swettenham," ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh menyatakan bahawa idea usahasama itu muncul apabila terdapat peningkatan menggalakkan kemasukan penumpang melalui Jeti Swettenham.

"Tidak banyak pelabuhan di dunia yang menjadi 'pintu masuk' ke Tapak Warisan Dunia UNESCO, dan sejak beroperasi pada 2010, terminal kapal persiaran itu telah mengendalikan lebih 1 juta penumpang secara tahunan.

"Tahun lalu (2017), direkodkan pertumbuhan jumlah penumpang sebanyak 19.1 peratus dengan lebih 2,000 pelayaran kapal persiaran tiba di sini.

"Tahun ini, walaupun tiada kapal pelayaran yang menjadikan Pulau Pinang sebagai '*homeport*', kami masih menjangkakan lebih sejuta penumpang di terminal ini," katanya.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, Datuk Seri Saripuddin Kasim; Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia, Datuk Baharin Abdul Hamid; Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Mohamad Puzi Mohamad Nazir serta barisan kepimpinan negeri.

Gavin Smith ketika ditemui memberitahu, RCCL melabur kira-kira AS$800 juta dalam menyediakan kemudahan pelaburan di seluruh dunia bagi membolehkan pelayaran kapal-kapal besar.

"Kami (RCCL) juga menambah baik kemudahan logistik bagi meningkatkan pengalaman pelanggan kami.

"(Dan) kami mengenal pasti Pulau Pinang sebagai pelaburan berpotensi untuk mengembangkan strategi di rantau Asia Tenggara," jelasnya.

Difahamkan, pelan pembangunan semula SPCT berkenaan dijangka mengambil masa setahun untuk disempurnakan, termasuk memperluaskan pangkalan hingga 660 meter berbanding keluasan sedia ada 400 meter bagi membolehkan dua kapal pelayaran mega milik RCCL berlabuh dalam masa sama.

Kapal berkenaan adalah kapal pelayaran terbaharu milik RCCL yang masing-masing membawa lebih 4,900 penumpang dalam satu-satu pelayaran.

Selain memperluaskan pangkalan, pelan pembangunan semula itu juga merangkumi kerja-kerja menaik taraf terminal yang membolehkan mereka mengendalikan 12,000 penumpang pada satu-satu masa.




KETUA Menteri (berdiri, dua dari kanan) dan Anthony Loke Siew Fook (berdiri, dua dari kiri) menyaksikan pemeteraian perjanjian usahasama antara Penang Port Sdn. Bhd. dan *Royal Caribbean Cruises Limited* di sini baru-baru ini.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>n27dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Arumugam | (T) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




25hb November 2018
***Penang Bridge International MARATHON 2018***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT: Kurang beban ibu bapa, rai kejayaan anak Pulau Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Seramai 1,815 anak jati Pulau Pinang menerima Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, program dengan dana berjumlah RM1,518,500 berkaitan secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kewangan ibu bapa, selain merupakan suatu bentuk penghargaan khusus untuk anak-anak negeri ini.

Menurutnya, bantuan kewangan sebanyak RM1,000 bagi pelajar yang berjaya mengikuti pengajian dekat universiti terpilih di Semenanjung Malaysia, universiti terpilih di Sabah dan Sarawak (RM1,200), manakala RM300 (politeknik terpilih).

"Sejak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008, program-program berbentuk bantuan seperti ini tidak pernah gagal dilaksanakan, dan statistik jumlah penerima turut menunjukkan trend pertambahan setiap tahun.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama barisan penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT Tahun 2018/2019 Bagi Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.**

"Ia adalah khusus untuk meraikan kejayaan anak-anak Pulau Pinang yang telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi, walaupun bantuan kewangan yang diberikan tidaklah seberapa, tetapi kita (Kerajaan Negeri) berharap ia digunakan sebaik-baiknya oleh pelajar," ucap beliau pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT Tahun 2018/2019 Bagi Peringkat Pulau di sini 6 September lalu.

Majlis serupa turut diadakan untuk peringkat Seberang Perai pada 21 September lalu membabitkan 1,263 pelajar.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Teh Lai Heng (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar), Ong Ah Teong (ADUN Batu Lancang), Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota) dan Zulkifli Long (Pengawai Daerah Timur Laut),

Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri sedar Pulau Pinang yang sedang pesat membangun memerlukan persediaan untuk menarik bakat-bakat baharu terutamanya golongan anak muda dan seterusnya meningkatkan bidang pengetahuan serta industri kreatif selain keperluan penambahbaikan kualiti hidup.

"Kerajaan Negeri percaya dengan sumber asli yang terhad di negeri ini, kebergantungan kepada sumber manusia perlu dititikberatkan.

"Oleh sebab itu, kita (Kerajaan Negeri) sangat menjaga kebajikan anak-anak negeri ini dengan hasrat dan harapan agar para pelajar ini dapat menyumbang idea, kebijaksanaan, ilmu dan kepakaran kepada Pulau Pinang apabila tamat pengajian kelak.

"Marilah kita semua bersama-sama berusaha dan bekerjasama untuk menggembleng tenaga, menyumbang idea dan bakat demi negeri tercinta kita, Pulau Pinang," seru beliau.

---

## APMG Penang 2018 labuhkan tirai penuh gilang-gemilang

**PANTAI JEREJAK –** Selepas lapan hari berlangsungnya kejohanan, temasya Sukan *Asia Pasific Masters Games (APMG) Penang 2018* melabuhkan tirai dalam upacara penuh gilang-gemilang, berwarna-warni dan padat dengan persembahan hiburan.

Kemeriahan tersebut seiring dengan kejayaan Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Asia selaku tuan rumah penganjuran sukan berprestij berkenaan.

Berlangsung di Pusat Konvensyen SPICE di sini, majlis dimulakan dengan persembahan boria dan tarian tradisi kepelbagaian etnik di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada ucapan penutupnya berkata, edisi APMG Penang 2018 merupakan sejarah buat negeri Pulau Pinang dan Malaysia amnya, apabila berjaya membida menjadi tuan rumah penganjuran di Asia.

"Saya masih ingat apabila delegasi Pulau Pinang pergi ke Nice, Perancis Selatan semasa penganjuran Sukan Master Eropah pada tahun 2015 untuk membida projek ini.

"Hasil kerja keras dan keyakinan, kontrak selaku tuan rumah ditandatangani pada Disember 2016, dan selepas itu kami terus mengerah keringat membuat persiapan yang mengambil masa kira-kira 21 bulan.

"Walaupun terdapat banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi, tapi ia (cabaran tersebut) menjadikan kami semakin kuat... setiap (cabaran) daripadanya dihadapi sehingga membawa kepada kejayaan penganjuran APMG Penang 2018 ini," katanya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Turut berucap, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Presiden International Masters Games Association (IMGA), Kai Holm.

Presiden Penganjuran APMG Penang 2018 yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng dan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) turut hadir sama memeriahkan majlis.

Kon Yeow dalam pada itu, mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan di atas sumbangan pelbagai pihak terutamanya penganjur yang merupakan penyumbang bagi menjayakan temasya berkenaan.



**PERARAKAN masuk salah satu kontinjen negara yang mengambil bahagian pada acara pembukaan APMG Penang 2018.**

"Terima kasih kepada semua rakan kongsi sukan, pegawai-pegawai terlibat dan juga para sukarelawan yang bertungkus-lumus menjayakan penganjuran ini," ujarnya.

Sejurus itu, tumpuan penonton kemudiannya terarah kepada kemunculan '*Cun*' iaitu maskot rasmi APMG Penang 2018 yang kemudiannya mengiringi Kon Yeow menyerahkan bendera sukan APMG kepada Kai Holm.



**KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur, para peserta dan pihak-pihak berkaitan pada Majlis Penutupan APMG Penang 2018 di sini baru-baru ini.**

Pada penghujung acara berkenaan, lokasi majlis penutup menjadi lebih meriah dengan gelagat para atlet, jemputan kehormat serta pengunjung yang turut sama menyertai tarikan Joget Lambak bersama-sama artis dari Bahagian Kebudayaan Negeri.

Difahamkan, penganjuran APMG seterusnya berkemungkinan akan berlangsung di Korea Selatan, walau bagaimanapun kontrak selaku tuan rumah masih belum diputuskan dan ditandatangani.

Pada 8 September lalu, pembukaan APMG Penang 2018 yang berlangsung di Stadium Bandaraya disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Selain Malaysia, turut mengambil bahagian adalah 63 negara lain seperti India, Jepun, China, Mongolia, Singapura, Sri Lanka, Iran dan Korea Selatan yang berkampung di sini di atas satu semangat kesukanan.

Kai Holm ketika berucap pada majlis pembukaan turut memuji keupayaan Pulau Pinang selaku tuan rumah.

"Ia telah melepasi jangkaan kami, anda (Pulau Pinang) mampu berbangga dengan penganjuran menakjubkan ini, dan berharap 5,564 atlet yang bertanding akan mempunyai masa yang bermakna di Pulau Pinang," jelasnya.

Terdapat 22 sukan dipertandingkan, antaranya tenpin boling, bola keranjang, berbasikal, bola sepak, bola jaring, menembak, skuasy, angkat berat dan lain-lain.

Malah, buat pertama kalinya, penganjuran berkenaan turut merangkumi sukan wushu, pencak silat dan tarian singa, sekaligus menambah corak sukan Asia untuk dipopularkan dalam kalangan peminat tempatan dan antarabangsa.

*(Rujuk juga muka 28).*

# Pinang Fiesta, platform terbaik golongan muda serlah bakat keusahawanan

**PENGANJURAN** Pinang Fiesta 2018 buat kali ketiga oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dilihat menjadi salah satu platform terbaik untuk belia menyerlahkan bakat serta kemahiran masing-masing di dalam bidang keusahawanan.

Festival bertemakan #HandKrafPinang tersebut berlangsung selama tiga hari mulai 14 hingga 16 September lalu bertempat di *Sunway Carnival Mall* dengan disertai oleh 18 usahawan muda yang mengusahakan pelbagai jenis hasil kraftangan.

Wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemubual beberapa usahawan muda yang mengambil bahagian pada penganjuran berkaitan.

Menurut **TAN CHOON HOU**, 25, dan rakannya, **CHANG WEI CHUAN**, 25, idea untuk mengusahakan perniagaan *'Life In Bottle'* muncul selepas mereka mendapati produk tersebut sudah lama popular di luar negara tetapi merupakan sesuatu yang baru bagi masyarakat di negara ini.

Oleh itu, katanya, penganjuran program Pinang Fiesta 2018 adalah tepat pada masanya memandangkan mereka kini sedang mencari satu platform untuk mengkaji potensi produk yang dihasilkan bagi pasaran tempatan.

"Produk yang kami hasilkan ini adalah dekorasi berasaskan tumbuhan hidup yang memberikan rasa tenang kepada mereka yang memilikinya.

"(Dan) sebelum sertai Pinang Fiesta, kami sudah melakukan eksperimen selama beberapa bulan untuk menguji ketahanan tumbuhan ini untuk hidup di dalam botol sebelum mengambil keputusan untuk memasarkannya.

"Jadi, program Pinang Fiesta adalah platform tepat untuk melihat permintaan masyarakat terhadap produk yang kami hasilkan ini sebelum memulakan perniagaan secara serius," katanya sambil menyatakan bahawa produk tersebut juga senang dijaga kerana hanya memerlukan air dan sedikit cahaya matahari.

### Seni khat masih diminati

Tulisan khat yang pernah popular dalam kalangan masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu ternyata kini masih lagi diminati.

Pengusaha perniagaan dari Galeri Yayasan Restu Wilayah Utara, yang mahu dikenali sebagai **ZUL ARHAM**, 24, memberitahu, program Pinang Fiesta mampu memperkenalkan produk seni khat yang dihasilkannya kepada seluruh masyarakat sama ada dari dalam dan luar negara.

Justeru, Zul Arham menzahirkan harapan agar Kerajaan Negeri dapat meneruskan program Pinang Fiesta untuk tahun-tahun yang akan datang.

"Ramai yang menganggap tulisan khat hanya berkaitan dengan unsur-unsur Islamik, tetapi sebenarnya tidak kerana ia kini bersifat global yang turut diminati oleh pelbagai bangsa dan agama.

"Malah, seni tulisan khat juga boleh dijadikan sebagai salah satu bidang keusahawanan yang mampu menghasilkan pendapatan yang lumayan.

"Justeru, saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan program-program seperti ini untuk membantu golongan muda seperti kami yang mahu memulakan perniagaan supaya mempunyai platform yang baik untuk memasarkan produk kami," ujarnya.

Bagi **LAI JIA YING**, 20, yang masih mengikuti pengajian di Kolej Sentral Pulau Pinang turut menyatakan bahawa Pinang Fiesta merupakan peluang yang baik untuk mempromosikan produk berasaskan sabun yang diusahakannya bersama-sama empat rakan lain.



TAN Choon Hou (kiri) dan Chang Wei Chuan bergambar bersama-sama produk yang dihasilkan.



SEBAHAGIAN karya yang dihasilkan Zul Arham (kanan sekali).



LAI Jia Ying.



REPLIKA feri Pulau Pinang yang memperoleh sambutan menggalakkan.

Menurutnya, sebelum ini, beliau hanya menjalankan perniagaan atas talian secara kecil-kecilan, namun berhasrat untuk terlibat dalam perniagaan secara serius sekiranya produk yang dihasilkan mendapat permintaan baik daripada masyarakat.

"Pada awalnya, kami hasilkan produk ini kerana hobi sebelum cuba menjualnya menerusi *Facebook* dan *Instagram*, dan kami dapati produk ini mendapat permintaan yang memberangsangkan.

"Dari situ, muncul keinginan untuk menjadikan perniagaan ini sebagai salah satu sumber pendapatan secara serius, dan kami juga sentiasa mencari program-program seperti Pinang Fiesta untuk mempromosikan produk-produk ini," katanya.

### Idea kreatif jana pendapatan

Di samping itu, penganjuran Pinang Fiesta kali ini turut membuka ruang kepada usahawan orang kurang upaya (OKU) mengembangkan perniagaan mereka.

**MEOR RAIMI MEOR NAZRI**, 30, yang mengusahakan perniagaan Myzone berkata, produk yang mahu diketengahkan pada program Pinang Fiesta adalah beberapa replika dihasilkan menggunakan kreativiti sendiri.



MEOR Raimi Meor Nazri.

"Ada beberapa jenis replika saya buat iaitu, yang paling mendapat sambutan adalah feri Pulau Pinang selain jambatan, Bukit Bendera dan model bangunan dan landskap.

"Semua produk yang dihasilkan ini adalah menerusi pembelajaran melalui laman *Youtube* yang mengambil masa kira-kira satu bulan.

"Ramai yang menganggap kerja-kerja tangan adalah sukar untuk dilakukan, tetapi sekiranya kita mempunyai minat dan kreatif, semuanya boleh dilakukan," ujarnya yang pertama kali mengambil bahagian.

Selain melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*, produk Myzone juga boleh didapati di premis Bandar Perda.

Sementara itu, Ketua Eksekutif PYDC, Goh Chong Mun ketika ditemui memberitahu, beliau berharap agar penganjuran program berkenaan mampu menjadi platform kepada golongan muda untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan yang mereka sediakan.

"Kali ini, kita fokuskan tema kraftangan dan kita harap platform ini dapat menjana pendapatan kepada golongan usahawan muda.

"(Dan) sasaran kita adalah untuk mengadakan program ini tiga bulan sekali atau empat kali setahun kerana sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan.

"Bagi penganjuran akan datang, kita (PYDC) akan cuba mencari penyertaan baharu kerana program ini terbuka kepada sesiapa sahaja asalkan mereka berasal dari Pulau Pinang dan berumur 18 hingga 30 tahun," jelas beliau.

# YES, usaha bersama wujudkan komuniti lebih lestari

**"JOM** Hijau Demi Komuniti" ialah satu projek komuniti yang dianjurkan oleh Penang Green Council dengan sokongan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bandar Tasek Mutiara Utara dan Selatan. Empat orang pemimpin belia iaitu Lee Jia Yi, Nurul Izwanni Fazlinda Binti Wahid, Calvin Chan Yi Xuan dan Nursyamimie Binti Mohd Paiz telah dipilih untuk melaksanakan program komuniti tersebut. Mereka turut dibimbing oleh Penang Green Council di bawah Program Belia untuk Kemampanan Alam Sekitar (Youth for Environmental Sustainability, YES). Projek komuniti ini telah berjaya dilaksanakan di Dewan Futsal Bandar Tasek Mutiara pada 22 dan 29 Julai.

"Banyak aktiviti yang kami ingin berkongsi dengan penduduk. Antaranya termasuk pertandingan kitar semula, pertandingan mewarna, taklimat pendidikan serta pameran alam sekitar." kata Cik Wong Fen Fen, mentor program tersebut. Salah satu aktiviti utama adalah Pertandingan DIY barangan kitar semula. Enam kumpulan peserta yang berumur 6-17 tahun telah berjaya mencipta model secara inovatif dan kreatif dengan menggunakan barangan kitar semula.



SESI gambar berkumpulan.

Orang awam berpeluang untuk belajar secara mendalam tentang "Pengasingan Sisa di Punca" dan "Pengurusan Sisa Elektronik" melalui taklimat pendidikan yang telah disampaikan oleh pemimpin belia. Tambahan itu, penduduk tempatan mendapat gambaran yang lebih menyeluruh mengenai isu-isu alam sekitar termasuk pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang melalui pameran alam sekitar. Di samping itu, JKKK Bandar Tasek Mutiara juga telah menganjurkan satu pertandingan pengumpulan bahan kitar semula dari 2–26 Julai. Objektif pertandingan ini adalah untuk menggalakkan komuniti supaya melibatkan diri dalam aktiviti kitar semula dan seterusya meningkatkan kesedaran dalam pemuliharaan alam sekitar. Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah oleh YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah, ADUN Sungai Bakap.

Penang Green Council (PGC) merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan (NPO) yang ditubuhkan untuk memupuk dan memberi kesedaran dan pendidikan alam sekitar di Pulau Pinang. PGC telah menganjurkan beberapa siri program jaringan komuniti seperti Kem Hijau, Kem Hijau Junior, Bengkel Konsumerisme, dan Kem Remaja sebagai usaha untuk mendekati masyarakat. Kami percayai bahawa masa depan adalah 100% bergantung kepada generasi muda justeru itu kami memberi tumpuan dalam memperkasakan belia. Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pihak penganjur bersama, sila hubungi kami di 04-2503322 / 3321 atau e-mel: *info@pgc.com.my*.



SESI pembelajaran bersama bagi eratkan jalinan hubungan keluarga melalui pertandingan DIY barangan kitar semula.



ZUMBA bersama-sama komuniti.




AHLI-ahli Program Belia untuk Alam Sekitar (YES).



PENGANJURAN kuiz di zon pameran alam sekitar.



# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 1028
Peminjam : SURESH KUMAR A/L GEORGE RAJAMANI - 66021907****
PANTAI HOSPITAL MANJUNG, TAMAN MANJUNG POINTS, SEKSYEN 2, 32040 SERI MANJUNG, PERAK
Penjamin 1 : LATSMANAN A/L PONNUSAMY - 50011107****
28 LORONG MACANG 6, TAMAN MACANG MANIS 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : R N DORAIRAJ A/L R NAMASIVAYAM - 58022007****
58 JALAN KATUNG 28/11, SEKSYEN 28, TAMAN ALAM MEGAH 40400 SHAH ALAM, SELANGOR

No Akaun : 1055
Peminjam : CHEK AMAH BINTI AZIZ - 54122407****
NO. 21 TAMAN CEMPAKA, JALAN CEMPAKA 1, 34300 BAGAN SERAI, PERAK
Penjamin 1 : ABDUL HADI BIN HJ IDRIS - 60031307****
NO. 12 LORONG SERI ACHEH 9, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SHAMSIAH BT HJ ZAKARIA - 42051207****
10 PINTAS PIPIT 7, TAMAN HELANG JAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 1087
Peminjam : SITI ROSNI BINTI ABD RAZAK - 66021907****
24-1-2 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDONG, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHADIJAH BINTI ABD KARIM - 59101308****
74-B JALAN PERAK 10400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : IDRIS BIN ABDUL RAHIM - 59101502****
NO. 75 BATU 3 TANDOP 05400 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 1118
Peminjam : TAN THONG OOI - 67103008****
NO 15 JLN SL 12/1A, TAMAN MAKMUR 2, BANDAR SG LONG 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : LIM KHOON LYE - 58032202****
93 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH , 13600 PRAI
Penjamin 2 : FOONG YOOK KOOI - 46120807****
NO. 10 LORONG PERKASA 11, TAMAN PERKASA 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 1126
Peminjam : ONG LEAN HO - 67113007****
695-3-3 DESA KIARA CONDOMINIUM, JALAN DAMANSARA 60000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : ANG BENG LIM - 36092607****
NO. 4216 JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LOW EE SENG – (MENINGGAL DUNIA)
4 MEDAN KURAU 2, CHAI LENG PARK 13700 BUTTERWORTH

No Akaun : 1136
Peminjam : LEE BOON SEONG - 67011707****
4 JALAN IMPIAN INDAH 5, SAUJANA IMPIAN, KAJANG 43000 SELANGOR
Penjamin 1 : LEE BUCK TI - 43050207****
NO. 11 JALAN TAN SAI GIN, TAMAN TAN SAI GIN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SENG SWE PING - 55052707****
2048 KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 1174
Peminjam : EWE HONG KHOON - 69120407****
NO. 11 CANGKAT BUKIT GAMBIR , MUKIM 13, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : OOI CHAY HUAT - (MENINGGAL DUNIA)
NO.197-A KAMPUNG PISANG, MK 13, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE GEOK HIANG - 60021607****
NO.187 NOORDIN STREET 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 1217
Peminjam : S RAJENDRAN A/L SUBRAMANIAM - 53060407****
NO. 67 PERSIARAN SEMBILANG 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : MATHURANTHAGEE A/P VASUTHAVAN - 57081807****
NO. 11-A JALAN RELAU 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : V MANGALESWARI A/P VASUTHAVAN - 59122707****
NO. 11-A JALAN RELAU 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 1224
Peminjam : TAN LEAN BOON - 67060407****
12A JALAN PJU 7/23, MUTIARA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : CHEW KEAN KOK - (MENINGGAL DUNIA)
37 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH, 13700 PERAI
Penjamin 2 : LIM CHIN TEIK - 36081007****
NO. 4 JALAN BUNGA TANJUNG 3, JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 1242
Peminjam : DZULKAFLI BIN BISTAMAM - 61021207****
NO. 89 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SURATI BT MUHAMAD - 7077***
NO.1496 JALAN 18/27, TAMAN SRI SERDANG 43300 SELANGOR
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN BISTAMAM - 3895***
89 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 1264
Peminjam : JOHARI BIN ABU BAKAR - 69102407****
3104 BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NOOR AZMI BIN MOHAMED - 61102607****
NO. 3104 BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : JULIAH BINTI MOHD DESA - 58070971****
26 LORONG PAUH JAYA 2/1, TAMAN PAUH JAYA, JALAN BARU 13700 PERAI

No Akaun : 1291
Peminjam : MOHD NOORSHIAM BIN AHMAD - 67070307****
1923-Z TAMAN MAHKOTA, JALAN STADIUM 05100 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : FADZIL BIN MAHAMUD - 51011502****
NO. 7 LORONG BERTAM INDAH 4/1, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MARIAM BT OMAR - 58060202****
11 TINGKAT MAYANG PASIR, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 1295
Peminjam : RAHIMAH BINTI ABDULLAH - 69030407****
521 PERMATANG KUANG 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : SALLEH BIN MAN - 4564***
988 PERMATANG BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SALMIAH BINTI SAMSUDIN - 7122***
NO.3 LORONG MAJU 5, TAMAN HAJI ABDULLAH SAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 1297
Peminjam : RASIDI BIN MAJID - 70093007****
TS 6251 SUNGAI KEDAK 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD ROSLI BIN AZIZ - 58061607****
1A-06-09 PANGSAPURI INDAH, LORONG TELOK AIR TAWAR 6, 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : FADZIL BIN ABU BAKAR - 53072807****
TS 10253 KAMPUNG TOK OTEK 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 1318
Peminjam : ZAINAB BINTI AHMAD - 70010807****
935 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ABDUL RAHMAN B. AHMAD - 4818***
935 PERMATANG TOK JAYA 13800 SUNGAI DUA , BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HASHIM B. HAJI SAAD - (MENINGGAL DUNIA)
1993 A, QTRS PUSAT KESIHATAN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 1375
Peminjam : IDRIS BIN MOHD ZAID - 68120507****
NO. 91 PESIARAN WIRA JAYA BARAT 36, TAMAN DESA INDAH 31350 IPOH, PERAK
Penjamin 1 : RAHMAD BIN ARIFFIN - 54111207****
24 SOLOK KAMPUNG JAWA 7, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMAD BIN MAT AIL - 55062003****
LOT 2247 BT 3 1/2, JALAN SULTAN YAHYA PETRA 15150 KOTA BAHARU, KELANTAN

No Akaun : 1387
Peminjam : ONG CHIN GUAN - 68070907****
21-C MACALLUM STREET 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHOR SIEW TIANG - 64022507****
BLOK 11-3-14, TINGKAT PAYA TERUBONG 2, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE KOK VOON - 55092707****
7-4-11 TINGKAT PAYA TERUBONG 3 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 1421
Peminjam : LIM ENG LIONG - 71030807****
NO. 6 JALAN SETIA IMPIAN U13/2, SHAH ALAM 40170 SELANGOR
Penjamin 1 : LIM PENG YAK - (MENINGGAL DUNIA)
3257 JALAN KILANG 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : YEOH KOK WAH - (MENINGGAL DUNIA)
NO.2 LORONG KAYA 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 1461
Peminjam : DEVADASS A/L SANTHANAM - 71080507****
634 JALAN LOBAK 15, TAMAN LOBAK INDAH 09600 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : PANEER SELVAM A/L VADI VELLOO - 64071707****
15 JALAN SERI CENDANA 2, TAMAN SERI CENDANA, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SATHIANATHAN A/L SANTHANAM - 49042407****
634 JALAN LOBAK 15, TAMAN LOBAK INDAH 09600 KULIM, KEDAH

No Akaun : 1467
Peminjam : ANBALAHAN A/L M SHANMUGAM - 64022307****
115 PADANG TAMAT, PENGKALAN HULU 33100 PERAK
Penjamin 1 : ABDUL MANAF BIN MEERASA - 64052607****
5-2-4 PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BANDURINGGU A/L RANGOTAVA - 55042107****
543 JALAN S2 D19, TAMAN ACACIA CITY HOMES SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

No Akaun : 1472
Peminjam : HENG GUAN KENG - 68091407****
1A-09-02 PLATINO CONDOMINIUM, NO. 1 PERSIARAN TUNKU KUDIN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HENG THENG HEE - 53021571****
16 TINGKAT KURAU 4, CHAI LENG PARK 13700 PRAI
Penjamin 2 : HENG THENG HAI - 61050207****
NO. 18 LORONG SEMBILANG 33, 13700 SEBERANG JAYA , PERAI

No Akaun : 1504
Peminjam : PARIMALA A/P VADIVELLOO - 69091907****
NO 16, JALAN SAUJANA, 1/5 TAMAN SAUJANA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L GOVINDASAMY - 62042007****
NO. 8 JALAN KIARA SD 11/3H, BANDAR SRI DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NANDAGOBEN A/L SINGARAVELU (G/14040) - 63073107****
IBU PEJABAT POLIS DAERAH KLANG, JALAN GEDUNG RAJA ABDULLAH 41560 KLANG, SELANGAOR

No Akaun : 1559
Peminjam : ZULKIFLY BIN OTHMAN - 72022507****
NO. 624 PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ROBIAH BT CHE MAT - 57021507****
NO. 624 PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : MAIYAH BINTI OTHMAN - 51051407****
SB 6289 UNIT 1 BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 1602
Peminjam : ABDUL HALIM BIN HUSAIN - 60060807****
NO. 21 JALAN KMP 2B/1, KOTA MALIM PRIMA 35900 TANJUNG MALIM, PERAK
Penjamin 1 : HAMDAN BIN HJ OMAR - (MENINGGAL DUNIA)
KAMPUNG HELANG BATU, RELAU, BANDAR BAHARU 34950 KEDAH
Penjamin 2 : AHMAD NIZARUDDIN BIN TAN (RF 75811) - RF 75***
CAW. KERETA PERONDA (MPV), IBU PEJABAT POLIS DAERAH HILIR PERAK, 36000 TELUK INTAN, PERAK

No Akaun : 1611
Peminjam : WAN SHAFIZAH BINTI HUSSAIN - 71110607****
301-N JALAN DATO KRAMAT, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAHARAH BT MAAROF - 49120807****
KB4-3 FLAT, TAMAN FREE SCHOOL 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHARIFF ZAINOL BIN SHARIFF HUSSAIN - 62012507****
NO. 301 N KAMPUNG MAKAM, DATO KRAMAT ROAD 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 1639
Peminjam : SHANMUGA SUNDARAM A/L MURUGASON - 71051507****
NO. 3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : GUNA SEKARAN A/L KALLIAPPAN - 64012907****
NO.8 LORONG BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : SUNKUMAR A/L AYAVOO - 64051707****
BLOK G-1-10 JALAN SEMBILANG 14, TAMAN DESA CEMARA 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 1683
Peminjam : FONG YOKE THENG - 70010607****
PLOT 8 ELSIEDALE ESTATE MUKIM 18, MOUNT ERSKINE 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIONG CHONG NGAK @ LEONG CHOONG MEN - 45012002****
1-B LINTANG PAYA TERUBONG 5, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE THUAN CHEANG - 43121507****
39 SOLOK MINDEN 1, MINDEN GARDENS RESIDENCE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 1721
Peminjam : OOI CHOK SIEW - 69022407****
17 JALAN PANTAI JERJAK 15, TAMAN SAW KIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : FOO KOK YONG - 51051407****
NO.368 JALAN BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHEW LAY - 64122807****
118 B4-9-1 PUTRA PLACE CONDOMINIUM, PERSIARAN BAYAN INDAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1790
Peminjam : AZIZEE BIN AHMAD - 70101307****
NO. 8 LORONG KASAWARI 10, TAMAN KASAWARI 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : ADZHAR BIN AHMAD - T711***
43 LORONG BAGAN LALLANG 15, TAMAN BAGAN LALLANG 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ILIAS BIN TAHIR - RF55***
BLOK 13 G-1 , PERMATANG DAMAR LAUT 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1791
Peminjam : MUHAMMAD BIN HASHIM - 72060602****
NO. 31 LORONG ANGGERIK, TAMAN HARMONI, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : ARABI BIN SULAIMAN - 0667***
NO. 118 LORONG CENGAI BATU, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RASHID BIN HJ HASSAN - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 129 LORONG CENGAI BATU, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 1792
Peminjam : NAZIMAH BINTI MOHAMED MYDIN - 72041807****
2B-4-10 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MD IQBAR BIN MOHD MADAR - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 6 LINTANG BUKIT KECIL 5, TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD MYDIN BIN MOHAMED - 0577***
2A-03-07 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 1794
Peminjam : NG BOON SENG - 69070507****
169C PERSIARAN PEGAGA, BAYU PERDANA, KLANG 41200 SELANGOR
Penjamin 1 : NG BAK KEE - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 17 TINGKAT SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEOW MOI SENG - 57052502****
23 JALAN STESEN 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 1805
Peminjam : TEO CHIN WAH - 69110607****
NO. 58-A JALAN RANGOON 10400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHONG WOON KHOON - 53021507****
63A-18-1 JALAN LENGGONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEO CHIN TONG - 59091107****
42 JALAN 3/17, BANDAR BARU SELAYANG 68100 BATU CAVES, SELANGOR

No Akaun : 1807
Peminjam : LEE CHONG CHAI - 68060707****
NO. 474 MK 4 BATU ITAM, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHOO KEAN BENG - 64062007****
73B-2-1 LEBUHRAYA JELUTONG, CENTRAL PARK, JELUTONG 10500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN KIM HOE - (MENINGGAL DUNIA)
102-C JALAN BATU GANTUNG 10450 PULAU PINANG

No Akaun : 1815
Peminjam : VIJAYAKUMARAN A/L LECHUMANAN - 67060808****
NO.24 LORONG BIDARA 15, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : THANGAMANI A/L PITCHAYMUTHU - 56110807****
12 LORONG SIAKAP 38, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : DHARMALINGAM A/L DORAISAMY - 55082308****
126 KAMPUNG MANIS, 13600 PERAI

No Akaun : 1824
Peminjam : SURESH A/L VEERASAMY - 73092407****
NO 92 SLOK KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : RATHAMANI A/P MURUGIAH - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 41 JALAN BUNGA RAYA A, KUMBANG, TAIPING 34000 PERAK
Penjamin 2 : LIM SIEW KEAM - 56021208****
NO. L2 JALAN RAJAWALI, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

***Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.***

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 1841
Peminjam : LAI TECK BENG - 72030507****
4910 TINGKAT SELAMAT 6, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : KONG FOONG KIEW @ KONG OIL LIN - 46120610****
20 LINTANG SEPAKAT, TAMAN BANDAR BARU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KHOO BU KE @ KHOO BU KEAT - 56030402****
4076 JALAN DATUK HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 1865
Peminjam : LIM SENG HUP - 70082107****
28 LORONG KURAU 15, CHAI LENG PARK 13700 PERAI
Penjamin 1 : LIM KIM SAN - 39021507****
NO. 3 LORONG PASAR 1, 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : TAN SIEW KEOK - 43021707****
NO. 2255 JALAN RAYA 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 1927
Peminjam : MOHAMAD IZAHAM BIN MOHAMED YATIM - 72071307****
NO. 87-A JALAN SUNGAI, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL WAHID B ABU BAKAR - 63051807****
87-A JALAN SUNGAI PINANG 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MD UDIN B MD NOH - 48103002****
231 PINTASAN MAYANG 1, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG

No Akaun : 1935
Peminjam : ROHANA BINTI ABDUL GHANI - 71080307****
94 JALAN MAWAR 2, TAMAN MAWAR, FASA 1, 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 1 : HASNAH BINTI YUSOF - 64011603****
17 JALAN NIKEL SATU 7/26A, SEKSYEN 7, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 2 : AZAHAR BIN ABDUL GHANI - 68041607****
26 LORONG SERI INDAH 5, TAMAN SERI INDAH, KAMPUNG PAYA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 1939
Peminjam : MOHAMAD ROSLI BIN YUSOFF - 72050907****
20 MUKIM 7 PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORHAYATI BT YUSOFF - 65100107****
NO. 43 LORONG SERI EMAS 8, TAMAN SERI EMAS 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : ZAINOL NAHAR BIN BAKAR - 61011207****
NO. 11A KAMPUNG BATAS , MUKIM TEMIN, CHANGLOON 06010 KEDAH

No Akaun : 1983
Peminjam : FAIROS BINTI BAHARUM - 71062607****
925 PERMATANG SG DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : BAHARUM BIN HASHIM - 3771***
925 PERMATANG SUNGAI DUA 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MARZUKHI BIN HASHIM - 55031807****
17 LEBUH NAKHODA, TAMAN TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 1999
Peminjam : YEOH JOO BOON - 70032307****
1-10-6 TAMAN HUI AUN, HALAMAN ZOO SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH JOO IM - 64032707****
14 LORONG KURAU 21, JALAN BARU 13700 CHAI LENG PARK, PERAI
Penjamin 2 : OOI CHUAN TI @ OOI CHUAN TI - 55010107****
14 LORONG KURAU 21, JALAN BARU 13700 CHAI LENG PARK, PERAI

No Akaun : 2018
Peminjam : CHIEW YOU BOK - 70061607****
37A SOLOK KEJORA 2, ALILA HOMES, TANJONG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ONG SOO ENG - 51080607****
91 JALAN INDAH, TAMAN SRI BUKIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHOO LAI HOO - 4086***
1984 JALAN BUKIT MINYAK, KAW. INDUSTRI RINGAN ASASJAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 2038
Peminjam : TAN BEE AI - 69071907****
NO. 7 JALAN REBAB 3, TAMAN DESA TEBRAU 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : MAH GH HAI HOCK - 59040307****
NO. 4361 JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : YAP GAIK HEOH - 69071507****
NO. 5 LORONG MERANTI 3, TAMAN SUNGAI PUYU 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 2044
Peminjam : GOH SIEW HEONG - 70101007****
203-1 JALAN PAYA TERUBONG 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOW KOOI CHOON - 60013007****
20-13-2 LORONG DAMAI, DAMAI VISTA, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE WAT GUAN - (MENINGGAL DUNIA)
408-C JALAN TAMAN CANTIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 2122
Peminjam : FADZINU AULLA BIN MOHAMED - 70120107****
2-06-E LORONG MACHANG BUBOK 34, TAMAN MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : AZHAR BIN AHMAD - 64020607****
NO.1269 PASIR GEBU 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : SITI FATIMAH BT MOHAMED - 66022607****
NO.1269 PASIR GEBU 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 2129
Peminjam : SHAMSUL BAHARI BIN ABDUL MAJID - 70030405****
BLOK 1-1-07, RUMAH PANGSA MAK MANDIN SATU 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN JAFFAR - 49080607****
LOT 56 KAMPUNG BARU, MAK MANDIN 14300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ISHAK BIN ISMAIL - 56120607****
NO. 81 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 2157
Peminjam : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 69071007****
NO. 5 LORONG SELAYANG INDAH 6, TAMAN SELAYANG INDAH 13020 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L DORAISAMY - 7915***
10 JALAN BAGAN LALANG 3, TAMAN BAGAN LALANG, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : STEPHEN SUTHAKAR A/L AROKIASAMY - A1360***
NO. 36 JALAN BERTAM INDAH 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 2168
Peminjam : BONNIE ANG SWIE CHIEN - 69020907****
B-11-13A DYNASTY GARDEN CONDO, NO. 5 JALAN KUCHAI MAJU 12, 58200 KUCHAI ENTERPRENEUR PARK, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : LIM PENG HONG - 51060808****
NO.61 LORONG RUSA 5, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NG BAK KEE - 0998***
NO. 17 TINGKAT SENTOSA, TAMAN SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM

# Pusat Perubatan Sunway penanda aras baru pembangunan infrastruktur Pulau Pinang



RUPA bentuk Pusat Perubatan Sunway yang bakal dibina.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Jeffrey Cheah (dua dari kiri) pada majlis pecah tanah bagi pembinaan Pusat Perubatan Sunway di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG PERAI** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan pembinaan Pusat Perubatan Sunway sebagai penanda aras baru yang penting dalam pembinaan infrastruktur di negeri ini.

Hal ini kerana, menurutnya, kawasan wilayah utara Malaysia kini sedang menghadapi pembangunan pesat khususnya di Pulau Pinang yang mencatatkan pertumbuhan penduduk pada kadar tetap iaitu kira-kira 1.5 peratus setahun.

"Dalam menghadapi perkembangan urbanisasi semakin pesat kini, keperluan untuk membina lebih banyak infrastruktur serta perkhidmatan awam yang lebih baik juga semakin meningkat.

"Oleh itu, saya berbesar hati kerana Kumpulan Sunway membuat keputusan untuk membina sebuah hospital di Seberang Perai yang berpotensi untuk menarik kehadiran pelancong perubatan ke negeri ini.

"Bukan itu sahaja, lokasi yang dipilih ini juga adalah berdekatan dengan lapangan terbang, dan dua jambatan yang menghubungkan Seberang Perai dan pulau," katanya ketika melancarkan majlis pecah tanah bagi pembinaan Pusat Perubatan Sunway dekat Hotel Sunway di sini 7 September lalu.

Turut berucap, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Jeffrey Cheah dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Urusan, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Kumpulan Sunway, Lau Beng Long dan Pengarah Urusan, Divisyen Hartanah, Sunway Berhad, Sarena Cheah.

Mengulas lanjut, Kon Yeow dalam ucapannya turut menzahirkan harapan agar pihak Kumpulan Sunway juga dapat mewujudkan kemudahan pendidikan di negeri ini melalui pembinaan Universiti Sunway dan kampus Universiti Monash.

"Saya percaya ini juga sejajar dengan hasrat Tan Sri Jeffrey dalam visi pembangunan bersepadu dan pembangunan mampan," ujarnya.

Difahamkan, pembinaan Pusat Perubatan Sunway fasa kedua berkenaan menelan belanja RM400 juta yang berupaya menampung sebanyak 350 katil dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

## Pacu PKS tempatan dengan infrastruktur, polisi pemerkasaan

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan usaha membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri ini dengan menyediakan pelbagai program dan polisi pemerkasaan.

Berucap pada majlis pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) antara Persatuan Pengusahaan-Pengusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) serta Affin Bank 12 September lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program dan polisi demi meningkatkan sumbangan PKS di negeri ini.

Antaranya, beliau memberitahu, perkampungan industri kecil dan sederhana dikenali SME Village di Batu Kawan, Pusat SMART *(Small and Medium Enterprises Market Advisory Resource and Training Centre)* serta dana *Penang i4.0 Seed Fund*.

"Terbaru, saya meluncurkan visi Pulau Pinang 2030 yang mana salah satu matlamat ia adalah memacu ekonomi.

"Walaupun syarikat multinasional (MNC) menguasai landskap industri pembuatan, kita seharusnya tidak mengabaikan sumbangan besar PKS dalam pertumbuhan ekonomi negeri.

"Industri pendukung dan sampingan yang diwakili syarikat-syarikat yang pernah berstatus PKS seperti LKT (kini dikenali sebagai Sam), *Eng Technology, Globetronics, Prodelcon* dan lain-lain berubah menjadi *public limited company* (PLC), begitu juga *Vitrox* dan *Elsoft* yang bermula sebagai syarikat PKS.

"Dalam sektor bukan E&E (elektrik dan elektronik), Pulau Pinang mempunyai syarikat yang bermula dan berkembang di sini seperti *Asiafile* dan *Chee Wah* yang kini dikenali di persada antarabangsa," ujar Kon Yeow yang turut menyuarakan hasrat untuk membawa jenama 'Buatan Pulau Pinang' ke serata dunia.

Dalam pada itu, beliau juga memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan menjadi pemudah cara kepada pemain industri PKS dengan menyediakan infrastruktur dan sokongan yang betul agar industri berkaitan dapat berkembang maju serta pesat.

"SAMENTA telah mengemukakan satu memorandum yang menggariskan empat matlamat utama bagaimana merangsang dan menyokong pertumbuhan serta pembangunan PKS di negeri ini.

"Meningkatkan permintaan melalui perolehan kerajaan, penyediaan ruang berpatutan, pembinaan kapasiti dan mengurangkan kos berurus niaga antara cadangan yang dikemukakan SAMENTA, dan kita (Kerajaan Negeri) akan mengkaji cadangan tersebut.

"Saya berharap kerjasama ini akan memberi manfaat kepada pemain industri PKS sejajar dengan visi Pulau Pinang 2030 yang mana kita mahu lihat lebih banyak platform kerajaan, agensi berwajib, sektor swasta dan komuniti saling bekerjasama.

"Apabila PKS dan ekosistem stabil, ia akan menarik lebih banyak pelaburan asing serta domestik, maka ekonomi Pulau Pinang turut kukuh dan makmur," jelasnya.

Difahamkan, terdapat lebih 3,000 syarikat berstatus PKS di Pulau Pinang yang menyokong kira-kira 300 syarikat MNC di sini.



# Bengkel Pengurusan Sisa Plastik dedah kaedah terbaik capai sisa sifar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dilihat begitu komited dalam usaha merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai status negeri bersih, hijau, sihat dan selamat.

Terbaru, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan melancarkan bengkel Sisa Plastik 'Siapa Peduli' yang dirasmikan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh bertempat di Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Boon Poh dalam ucapannya menyeru para peserta khasnya dan masyarakat amnya agar tidak membuang sampah merata-rata tempat terutamanya di kawasan tadahan air.

"Kita semua harus mencintai alam sekitar dan menghormati alam semula jadi sebagaimana kita mencintai diri sendiri.

"Kami (Kerajaan Negeri) memerlukan sokongan padu daripada semua pihak untuk mencapai hasrat Pulau Pinang sebagai negeri hijau, bersih, sihat dan selamat," serunya.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr, Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; wakil komuniti, wakil sekolah dan penduduk setempat.

Antara pengisian program sepanjang penganjuran adalah pembentangan kertas kerja oleh Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Tiew Kian Gee.

Dalam pada itu, menurut Rozali, tujuan penganjuran bengkel berkenaan adalah bagi memberi pendedahan kepada penduduk di Seberang Perai mengenai kaedah terbaik untuk mencapai kadar sisa sifar dalam kehidupan seharian.

"Bengkel ini juga bertujuan untuk mencari cara penyelesaian daripada pihak-pihak berkepentingan mengenai cara mengurangkan pencemaran plastik di lautan dan mengatasi penggunaan plastik sekali guna.

"Seperti yang kita sedia maklum, plastik mengandungi sisa toksik dan apabila dilupuskan di mana-mana lokasi sekalipun, ia akan menyebabkan sisa toksik itu meresap ke dalam tanah dan sekali gus mencemarkan sumber air," jelasnya.



PHEE Boon Poh (kanan sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri) menyempurnakan gimik perasmian Bengkel Pengurusan Sisa Plastik di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, di Seberang Perai, daripada 345,329 matrik tan barangan boleh dikitar semula yang dikutip setiap tahun, sebanyak 13,777 tan atau bersamaan 4 peratus daripada jumlah itu adalah terdiri daripada bahan plastik.

"Oleh itu, kita (MPSP) mengambil langkah untuk mengurangkan atau mengitar semula sisa plastik supaya ia tidak dibuang ke tapak pelupusan," tegasnya.

## Program komuniti tekan elemen kekeluargaan, sahut wawasan *Penang2030*

**PULAU BETONG –** Tekankan elemen kekeluargaan dalam program-program rasmi yang dianjurkan di peringkat komuniti, demi merealisasikan wawasan *Penang2030* sebagaimana digagaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata demikian ketika berucap pada Majlis Mega Gotong Royong & Plogging pada 8 September lalu dekat Palmyra Residences di sini.

"Saya mengharapkan supaya program gotong-royong dan plogging ini diteruskan bersama, dengan menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam misi *Penang2030*, yang menekankan aspek kekeluargaan.

"Maknanya, program dilaksanakan penduduk Palmyra adalah untuk membentuk masyarakat harmoni, dan ia mesti terlebih dahulu datang daripada institusi kekeluargaan yang harmoni juga," jelasnya pada majlis berkaitan.

Mohd. Tuah dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia atas kejayaan penganjuran program komuniti itu.

Pada 29 Ogos lalu, Kon Yeow ketika melancarkan *Penang2030* menjelaskan wawasan pembangunan negeri dalam tempoh 12 tahun sehingga 2030 tersebut akan turut memberi tumpuan kepada aspek pembangunan kekeluargaan, selain menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau serta pintar.

Bagi Mohd. Tuah, *plogging* atau aktiviti berlari sambil mengutip sampah terutama plastik daripada hanyut lalu mengancam habitat laut, walaupun sesuatu yang baru di sekitar Pulau Betong, tetapi sangat baik untuk menyemarakkan semangat kekeluargaan dalam kalangan komuniti.

Difahamkan, *plogging* mula diperkenalkan di Sweden pada tahun 2016 dan dibawa ke Malaysia pada awal tahun ini, dengan Pulau Pinang antara negeri terawal menganjurkan program hijau tersebut.



MOHD. Tuah Ismail (duduk, lima dari kiri) merakam gambar kenangan dengan barisan penganjur, para jemputan dan komuniti setempat yang terlibat di dalam penganjuran Majlis Mega Gotong-Royong & Plogging di sini baru-baru ini.



# Pusat jagaan harian, sasar Januari 2019 di semua agensi Kerajaan – Wan Azizah



**KETUA Menteri, barisan jemputan khas, ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta bergambar kenangan pada penganjuran Persidangan Wanita Dalam Ekonomi di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri konsisten dalam melaksanakan pelbagai dasar untuk memastikan lebih ramai golongan wanita terlibat dalam sektor ekonomi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, adalah penting untuk Kerajaan Negeri mengambil langkah strategik dalam menghapuskan halangan bagi membolehkan lebih ramai wanita berjaya dalam bidang keusahawanan dan seterusnya menjadi usahawan berjaya.

"Dalam erti kata lain, setelah halangan untuk golongan wanita berjaya serta mampu dihapuskan, maka akan wujud anjakan ke arah kesedaran mengenai apa yang wanita boleh sumbangkan sebagaimana (golongan) lelaki.

"Sebagai contoh, salah satu sebab mengapa wanita enggan mengambil bahagian dalam bidang ekonomi adalah kerana terdapat begitu banyak cabaran yang terpaksa mereka hadapi.

"Oleh itu, dengan menyediakan persekitaran yang positif dan kondusif, pastinya akan mendorong mereka untuk tampil ke hadapan dan dapat menyumbang secara aktif kepada ekonomi," katanya dalam ucapan pembukaan Persidangan Wanita Dalam Ekonomi di sini 24 September lalu.

Turut berucap, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan); Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan); Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng; Pengarah Eksekutif Suiwah Corporation dan Ketua Pegawai Eksekutif Pasar Raya Sunshine, Cynthia Hwang.

Dalam pada itu, Wan Azizah dalam ucaptamanya menyatakan bahawa Kerajaan meletakkan keutamaan untuk memastikan semua agensi mempunyai pusat jagaan harian (TASKA) di bangunan masing-masing bagi membolehkan wanita menumpukan perhatian terhadap kerja mereka.

"Walaupun ada beberapa halangan seperti isu keselamatan serta kesesuaian bangunan, kita (Kerajaan) berazam untuk menjadikan usaha itu sebagai satu kejayaan.

"Kita (Kerajaan) menetapkan sasaran agar menjelang Januari tahun depan, semua agensi Kerajaan akan ada pusat jagaan harian bagi kemudahan kakitangan awam," jelasnya yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Persidangan dua hari anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bertemakan 'Memikirkan Semula Keusahawanan Untuk Wanita Hari ini' tesebut bertujuan memanfaatkan potensi wanita bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lestari.

Kira-kira 400 perwakilan menyertai persidangan tersebut yang mana 88 peratus daripadanya adalah merupakan golongan wanita.

## Bengkel Latihan Kepimpinan Wanita didik kaedah tangani kes keganasan rumah tangga

**PADANG LALANG –** Buat julung kalinya, Pusat Kesedaran Wanita *(Women's Centre for Change,* WCC) menganjurkan bengkel latihan kepimpinan wanita sebagai salah satu usaha untuk menangani kes keganasan rumah tangga.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang tersebut adalah khusus untuk anggota Briged Wanita dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di Seberang Perai.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, melalui bengkel tersebut, para peserta akan dilatih mengenai cara menangani kes keganasan rumah tangga dan rujukan kepada agensi yang berkaitan seperti polis serta hospital.

"Ramai wanita tidak tahu dan sedar akan terdapatnya bantuan di kebanyakan hospital kerajaan melalui Unit Kecemasan dan Trauma.

"Mereka mungkin tidak mempunyai pengetahuan serta pendedahan tentang fungsi penyedia perkhidmatan seperti hospital, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya dalam hal keganasan rumah tangga.

"Jadi adalah penting bagi kita sebagai pemimpin komuniti untuk memperoleh ilmu dalam mengenal pasti mangsa keganasan rumah tangga dan seterusnya membantu mereka," ujarnya semasa merasmikan bengkel berkaitan yang turut dihadiri Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Chong Eng menyatakan, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terdapat 46,572 kes keganasan rumah tangga dilaporkan berlaku dari tahun 2000 hingga 2013.

"Angka ini menunjukkan bahawa kira-kira sembilan kes berkaitan keganasan rumah tangga dilaporkan setiap hari.

"Malangnya, ramai di antara mangsa sering mengambil sikap berdiam diri dan hanya mendapatkan bantuan apabila keganasan menjadi semakin tidak terkawal atau meninggalkan kesan negatif terhadap anak-anak mereka.

"Oleh itu, diharapkan selepas menyertai bengkel ini, para peserta memperoleh ilmu dan keyakinan untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga," serunya.



**CHONG Eng (duduk, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para peserta Bengkel Latihan Kepimpinan Wanita di sini baru-baru ini.**



# Didik cintai alam sekitar pada usia muda

**KETERUJAAN** 38 orang remaja berusia 15 hingga 18 tahun jelas kelihatan apabila mereka diberi peluang untuk melawat satu-satunya tapak pelupusan sampah di Pulau Pinang iaitu di Pulau Burong, Nibong Tebal.

Kem Remaja 4.0 telah berjaya diadakan pada 18 dan 19 Ogos 2018 bertempat di Institut Latihan Kecemerlangan MARA, Sungai Jawi. Mengupas mengenai penganjuran program Kem Remaja ini, Pegawai Program dan Projek PGC, Puan Najihah berkata, ia merupakan usahasama antara pihak Penang Green Council, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Jabatan Alam Sekitar. Para peserta telah didedahkan dengan kaedah pengurusan sisa di Pulau Pinang selaras dengan tema kem ini iaitu Pengurusan Sisa: Bukan di Halaman Saya.

Nur Izwanni yang merupakan salah seorang fasilitator kem ini berkata bahawa kem dua hari satu malam ini sangat bermanfaat kepada para peserta kerana selain dapat menimba ilmu, mereka juga dapat mencungkil bakat yang terpendam selama ini.

"Saya begitu teruja apabila diberi peluang untuk menjadi fasilitator bagi Kem Remaja ini. Antara aktiviti yang menarik perhatian saya adalah modul lakonan yang memerlukan para peserta melakonkan watak seperti orang kampung, pemaju, Jabatan Alam Sekitar, dan lain-lain untuk membincangkan masalah alam sekitar. Saya dapat melihat para peserta begitu bersemangat berhujah apabila diberi peluang untuk menjadi wakil organisasi tersebut," ujar Izwanni.

Kem Remaja ini merangkumi 5 modul utama dan satu aktiviti luar yang menerapkan kepentingan pengurusan sisa dan impaknya dalam kehidupan seharian.

Antara modul yang terdapat dalam kem ini adalah seperti lawatan ke tapak pelupusan sampah, analisis kualiti air, aktiviti lakonan, eksplorasi, dan eksperimen untuk membina model tapak pelupusan sampah. Kesemua modul yang diterapkan dalam kem ini, secara tidak langsung dapat memupuk sifat cintakan alam sekitar, meningkatkan kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran bekerjasama dalam satu kumpulan di kalangan generasi muda.

Penang Green Council (PGC) merupakan sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (NPO) yang ditubuhkan untuk memupuk dan memberi kesedaran dan pendidikan alam sekitar di Pulau Pinang. PGC telah menganjurkan beberapa siri program jaringan komuniti seperti Kem Hijau, Kem Hijau Cilik, Pendidikan Rumah ke Rumah, Kem Remaja, dan bengkel-bengkel bertemakan unsur alam sekitar sebagai usaha untuk mendekati masyarakat. Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pihak penganjur bersama, sila hubungi kami di 04-2503322 / 3321 atau e-mel: *info@pgc.com.my*.

PENANG GREEN COUNCIL




**PARA peserta Kem Remaja diberi peluang untuk melawat satu-satunya tapak pelupusan sampah di Pulau Pinang iaitu di Pulau Burong, Nibong Tebal.**



**NUR Izwanni yang merupakan salah seorang fasilitator penganjuran menyatakan bahawa kem dua hari satu malam berkenaan adalah sangat bermanfaat kepada para peserta.**




# Kuat kuasa Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Januari 2019, kompaun RM250

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**



JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Oon Lai Kuan pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Mulai 1 Januari 2019, penghuni rumah taman yang tidak melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bakal berdepan risiko dikompaun oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu, pihaknya telah mengeluarkan arahan berwajib kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ujarnya, sebelum ini, kedua-dua PBT telah melakukan pemeriksaan berwajib serta mengeluarkan notis kepada pemilik atau penghuni unit kediaman yang didapati tidak mengamalkan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca berkaitan.

"Pemeriksaan dalam tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos lalu mendapati bahawa sejumlah 282,840 telah diperiksa dan 165,465 notis (telahpun) dikeluarkan.

"Justeru, masih ada masa, mulai hari ini hingga 31 Disember (2018) untuk pemilik rumah memenuhi apa yang akan kita kuatkuasakan kelak (iaitu) Dasar Pengasingan Sisa Di Punca," kata beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini 14 September 2018.

Ketua Unit Pengurusan Sisa Di Punca bagi Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Oon Lai Kuan turut sertai majlis promosi penguatkuasaan dasar tersebut.

Pun begitu, Jagdeep menyatakan bahawa MBPP telah mengeluarkan kompaun kepada enam unit kediaman bertingkat yang tidak melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, manakala MPSP pula mengeluarkan 25 kompaun bagi hartanah kategori sama.

Dalam pada itu, bagi kategori premis komersial pula, menurut Jagdeep, MBPP dan MPSP masing-masing telah mengeluarkan 20 kompaun dan 268 kompaun.

Mengulas lanjut, tambahnya, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mesti dilaksanakan di unit kediaman taman bermula pada bulan September ini, sebelum langkah penguatkuasaan pada 1 Januari 2019.

"Dalam tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos sahaja, kedua-dua PBT telah mengeluarkan 175,053 notis memandangkan masih ramai pemilik hartanah yang tidak melaksanakan Dasar ini," ujarnya sambil menjelaskan bahawa kadar kompaun maksimum adalah RM250 bagi setiap kesalahan kelak.

Sejak 1 Jun 2016, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melaksanakan kempen amalan bagi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca meliputi pelbagai kategori hartanah, antaranya taman perumahan, rumah kampung, Projek Perumahan Rakyat (PPR), pangsapuri, hotel pusat menjaja, restoran, kilang serta kompleks membeli-belah.

UNIT KOMERSIL PDC
UNTUK SEWAAN / JUALAN


KOMTAR
(PODIUM)


KOMPLEKS
JALAN KEDAH


THE ONE
BANDAR BAYAN BARU

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi: -
Paras 4, No. 1, Pesiaran Mahsuri,
Bandar Bayan Baru,
11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang
04-6340109/423
sasirekha@pdc.gov.my

# Bajet 2019: Tingkat kemudahan prasarana, ke arah Bandaraya Pintar, Mampan dan Sejahtera

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**AR. Yew Tung Seang (bertali leher merah) dan barisan kepimpinan MBPP pada sesi pembentangan Bajet 2019 PBT berkaitan di sini baru-baru ini.**

**PADANG KOTA –** Bertemakan Bandaraya Pintar, Mampan dan Sejahtera, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengumumkan Bajet 2019 yang dibentangkan bakal melibatkan hasil sebanyak RM411.42 juta berbanding anggaran perbelanjaan sebanyak RM506.03 juta dengan defisit berjumlah RM94.61 juta.

Perkara tersebut diumumkan Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang dalam Mesyuarat Khas Majlis yang berlangsung di Dewan Bandaraya di sini 19 September lalu.

Menurut Tung Seang, daripada jumlah RM506.03 juta, bajet tersebut dipecahkan kepada dua iaitu perbelanjaan pengurusan berjumlah RM362.09 juta atau bersamaan 71.56 peratus, dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM143.94 juta (28.44 peratus).

"Bajet 2019 ini dirangka dengan memberi penekanan kepada lima fokus utama dengan pecahan melibatkan peruntukan RM263.91 juta, iaitu kebersihan RM73.73 juta (27.94 peratus), kehijauan RM10.04 juta (3.80 peratus), keselamatan RM12.38 juta (4.69 peratus), kesihatan RM5.22 juta (1.98 peratus) serta kemudahan awam dan prasarana sebanyak RM 163.54 juta (61.59 peratus).

"Bagi mempromosikan budaya kebersihan awam, antara inisiatif yang dilaksanakan secara berterusan adalah membangunkan sistem dan kemudahan serta teknologi bagi pemindahan dan pelupusan sampah yang mesra pengguna dan mesra alam serta meningkatkan pembangunan kapasiti, pendidikan serta kesedaran dengan memperkasakan *Local Action 21* (LA 21).

"Bagi aspek kehijauan pula, MBPP akan terus merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menanam kira-kira 100,000 batang pokok dalam tempoh masa lima tahun," ujarnya sambil menambah bahawa sepanjang 10 tahun pentadbiran di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang, sebanyak 365,665 batang pokok telah ditanam di sekitar kawasan pulau.

Tung Seang membentangkan Bajet 2019 bagi MBPP dengan mengambil kira cadangan dan maklum balas yang diterima daripada orang ramai sejak 1 Januari hingga 31 Mac 2018.

Hadir sama, Setiausaha bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Ketua-ketua jabatan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Tambah Tung Seang, untuk meningkatkan aspek keselamatan, MBPP memperuntukkan RM7.4 juta untuk pemasangan 150 unit kamera litar tertutup (CCTV) tambahan, menjadikan jumlah keseluruhan 917 unit, sambil memperkenalkan fungsi pengecaman wajah untuk menjamin ke arah sebuah bandar raya selamat.

"Manakala, bagi meningkatkan pengurusan lalu lintas dan kemudahan awam, Majlis akan meneruskan pembinaan jalan bawah *(underpass)*, menaik taraf jalan, menambah baik sistem saliran dan pejalan kaki di Jalan Mount Erskine serta di Jalan Brown, maka RM5.5 juta diperuntukan untuk tujuan tersebut.

"RM40.20 juta diperuntukan untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan Jalan Berkembar Paya Terubong dari Lebuh Raya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul (Relau) untuk tempoh tiga tahun," jelasnya.

Menurut Tung Seang, antara kemudahan infrastruktur dan lalu lintas lain yang sedang dibangunkan termasuk pusingan U di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu antara Jalan Sungai Pinang berjumlah RM6.05 juta; pembinaan jalan sambungan Jalan Thean Teik ke Jalan Kampung Pisang dan pelebaran Lorong Batu Lancang ke Lebuh Raya Thean Teik (RM5 juta); meningkatkan pencahayaan serta menaik taraf kabel dan penyelenggaraan lampu jalan (RM6.79 juta).

"Antara lain termasuk pengukuhan tembok laut di Padang Kota sepanjang 472 meter (m) termasuk laluan pejalan kaki dengan kerjasama Kerajaan Negeri, *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) dengan peruntukan RM5 juta; pembaikan runtuhan cerun akibat bencana alam dan pemuliharaan warisan (RM2 juta) dan RM9.59 juta untuk menaik taraf kemudahan pasar serta tandas.

"Saya yakin bajet yang bertemakan Bandaraya Pintar, Mampan dan Sejahtera ini akan dapat memenuhi objektif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat.

"Ia juga akan terus memberi fokus kepada pelaksanaan projek-projek yang boleh meningkatkan kemudahan dan keselesaan kepada rakyat selaras dengan visi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya pintar, kreatif serta cergas dan memiliki budaya serta warisan di peringkat glokal dan global," kata beliau.

## MPSP tubuh Jawatankuasa Audit Fasiliti pastikan semua bangunan awam mesra OKU

**SEBERANG JAYA -** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, pihaknya bakal menubuhkan Jawatankuasa Audit Fasiliti bagi memastikan semua bangunan awam di Seberang Perai mempunyai kemudahan untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

"Jawatankuasa ini akan dipengerusikan Ahli-Ahli Majlis MPSP yang mana mereka akan pergi ke bangunan-bangunan awam untuk melakukan audit dari segi keperluan OKU.

"Ia (audit) bagi memastikan semua bangunan awam seperti pejabat kerajaan, pasar raya, stesen kereta api dan lain-lain yang dilulus adalah berpandukan Reka Bentuk Sejagat ini benar-benar wujud secara nyata seperti terkandung di dalam pelan dan bukannya sekadar hiasan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Peranan Perunding Dalam Menyediakan Reka Bentuk Sejagat Secara Inklusif di sini 6 September lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Pensyarah Kanan Fakulti Senibina Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Datuk Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim; Arkitek Jabatan Pelaksana Projek dan Penyelenggaraan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dalilah Bee Abdullah dan Ahli Penang Accessibility Action Group (PAAG), Dr. Tiun Ling Ta.

Presiden Persatuan Orang Cacat Pulau Pinang, Datuk Teh Lay Kuan; Presiden Persatuan Sukan dan Rekreasi OKU Pulau Pinang, Eric Tai Boon Seng; Pengarah Bangunan MPSP, Noorhanis Noordin serta Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP juga turut hadir.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa MPSP juga mengadakan seminar yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Agensi Pelaksana dan *Prinsipal Submitting Person* (PSP) di dalam merancang serta mereka bentuk bangunan berdasarkan Reka Bentuk Sejagat bagi memenuhi keperluan semua golongan termasuk OKU.

"Oleh sebab itu, kita (MPSP) memainkan peranan sebagai koordinator yang menyatukan melalui penggubalan dasar, melaksanakan akta parlimen dan enakmen Kerajaan Negeri serta melaksanakan undang-undang kecil MPSP.

"Tetapi, usaha ini tidak boleh hanya dalam bentuk perundangan, malah harus diterjemahkan oleh arkitek serta profesional (PSP) ke dalam reka bentuk yang kemudiannya akan dilaksanakan oleh pemaju," jelasnya.

Justeru, Rozali menzahirkan harapan agar pihak pemaju bersikap lebih profesional dengan melaksanakan projek pembangunan berdasarkan pelan diluluskan MPSP.

"Orang awam pula dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk OKU ini," tegasnya sambil menambah penanda aras kepada pembangunan mampan adalah sekiranya golongan OKU mampu bergerak bebas serta menikmati kemudahan disediakan tanpa bantuan pihak lain.



**SR. Rozali Mohamud (kanan) menunjukkan buku Panduan Ringkas Reka Bentuk Sejagat terbitan MPSP pada sidang media selepas merasmikan Seminar Peranan Perunding Dalam Menyediakan Reka Bentuk Sejagat di sini baru-baru ini.**

Pada sidang media sama, Rozali turut memperkenalkan buku Panduan Ringkas Reka Bentuk Sejagat terbitan MPSP berharga RM25 yang boleh didapati di pejabat MPSP.

# Kumpul penutup botol demi hasilkan mural 3D

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Sebanyak 101,365 penutup botol berjaya dikumpul oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi menghasilkan mural 3D.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, program anjuran bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu adalah selari dengan *'Smart Consumption Model'* MPSP iaitu 8R.

"Pada majlis pelancaran sebelum ini, kita sasarkan untuk mengumpul penutup botol sebanyak 71,000, dan kini kita capai lebih daripada yang kita tetapkan.

"Ini menunjukkan bahawa program ini mendapat sokongan kuat daripada komuniti setempat, dan sebab itu saya yakin visi MPSP untuk capai bandar rendah karbon dan bandar pintar menjelang 2022 akan tercapai," katanya pada sidang media sempena Majlis Penyerahan Pengumpulan Penutup Botol Minuman di Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 14 September lalu.

Menurut Rozali, penutup botol yang berjaya dikumpul tersebut digunakan untuk melukis empat gambar mural yang masing-masingnya di Hutan Bukit Panchor, Hutan Pelajaran Air Itam Dalam dan Permatang Rambai (2).

"Proses membuat mural diadakan pada 21 hingga 23 September 2018, dan membabitkan lebih 1,000 sukarelawan," ujarnya.

Difahamkan, penutup botol yang berjaya dikumpul tersebut disumbangkan oleh pelbagai pihak termasuk penggiat kitar semula, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, dua sekolah, empat persatuan di bawah MPSP dan seluruh pekerja MPSP.

Tambah Rozali, penganjuran program itu juga adalah sebagai salah satu usaha untuk mengatasi masalah pembuangan plastik pakai buang ke laut yang dianggarkan berjumlah 2.4 juta.

"Malaysia menduduki tangga kelapan dalam senarai negara yang banyak membuang plastik ke laut yang boleh mengancam hidupan di laut.

"Sebab itulah perlu adanya program-program seperti ini yang mampu meningkatkan kesedaran tentang penggunaan semula *(reuse)*," ujarnya.




**SR. Rozali Mohamud (tengah) bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur dan pihak-pihak berkaitan menunjukkan penutup-penutup botol minuman yang berjaya dikumpul pada majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.**

## Kenderaan berat lebih lima tan dilarang guna Jalan Chain Ferry pada waktu puncak - TKMII




**PROF. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**PERAI -** Semua jenis kenderaan berat melebihi lima tan adalah tidak dibenarkan melalui Jalan Chain Ferry bermula dari Persimpangan Jalan Assumption ke Persimpangan Jalan Baru terutamanya pada waktu puncak.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, larangan tersebut berkuat kuasa mulai 17 September lalu bertujuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di jalan terbabit yang berlarutan sejak sekian lama.

"Cadangan ini dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Lalu Lintas dan Infrastruktur Seberang Perai pada 14 Februari 2014 dan diluluskan pada Mac tahun yang sama.

"Waktu yang tidak dibenarkan untuk dilalui kenderaan berat melebihi lima tan adalah pada waktu puncak iaitu dari jam 6.30 pagi sehingga 8.30 pagi, dan 5 petang hingga 7 malam," katanya pada sidang media di sini 10 September lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), David Marshel.

Mengulas lanjut, kata Ramasamy, larangan berkenaan adalah diperuntukan di bawah Seksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan (Akta 33) yang mana jika disabitkan kesalahan boleh dikompuan sebanyak RM300.

"Justeru, semua pemandu kenderaan berat melebihi lima tan dinasihati untuk menggunakan laluan alternatif sama ada melalui Plaza Tol Perai atau Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) untuk ke Butterworth," serunya.


**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

**KOD TENDER : PSUKPP/TENDER/7/2018**

Tawaran adalah dipelawa kepada petender tempatan **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berikut: **221601 – Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar & 221615 – Rekabentuk Percetakan** dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tawaran tender berikut:-

**PERKHIDMATAN MEREKABENTUK DAN MENCETAK BULETIN MUTIARA (JANUARI 2019 HINGGA DISEMBER 2020)**

2. Petender dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender yang berdaftar boleh memuat turun Dokumen Tender melalui laman web tersebut. **Dokumen tender boleh dibeli dengan harga RM50.00 secara online** dan dimuat turun melalui **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (http://ep.penang.gov.my)** mulai **12 September 2018 (Rabu)**.

3. Semua petender yang berminat menyertai tender ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan pada **19 September 2018 (Rabu), jam 10.00 pagi, bertempat di Bilik Mesyuarat BPEN, Tingkat 26, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.** Petender dikehendaki untuk membawa Sijil Asal Kementerian Kewangan berserta maklumat kod bidang yang berkaitan yang masih sah laku, Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan salinan resit rasmi pembelian dokumen tender melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender yang membawa dokumen-dokumen tersebut sahaja akan dibenarkan masuk untuk sesi taklimat.

4. Dokumen Tender yang lengkap diisi mestilah diserahkan bersama-sama maklumat-maklumat yang dikehendaki dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan no. tender serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **PSUKPP/TENDER/7/2018** yang ditempatkan di Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 26, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang **sebelum jam 12.00 tengahari, pada atau sebelum 12 Oktober 2018 (Jumaat)**.

# Komited realisasi Pulau Pinang sebagai hab seni kreatif

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa komited dalam merealisasikan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang memartabatkan kesenian dan kreativiti.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, sudah menjadi hasrat pihak berkuasa tempatan berkaitan untuk menjadikan Pulau Pinang bukan sahaja sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat, malah juga sebagai hab kesenian.

"Salah satu usaha adalah melalui seni bina arca pasir hasil kreativiti artis muda tempatan, Muhamad Ikhwan Ibrahim.

"MBPP berasa sungguh bangga serta bertuah kerana dapat berkerjasama lagi dengan beliau untuk menjayakan arca bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 dan Hari Malaysia," ujarnya pada Majlis Perasmian Arca Pasir 'I Love Penang' dekat Persiaran Karpal Singh di sini 7 September lalu.

Hadir menyempurnakan perasmian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Menurut Tung Seang, usahasama dengan *Ikhwan Saloot Visual Artist* merupakan salah satu contoh kerjasama antara MBPP dengan artis tempatan yang berbakat.

"Saya harapkan agar lebih ramai anak tempatan akan mencontohi usaha beliau dalam menghasilkan seni yang pertama seumpamanya di sini hingga berkembang ke peringkat antarabangsa.

"(Dan) adalah menjadi satu keperluan bagi MBPP untuk memastikan ruang awam seperti di sini digunakan oleh orang ramai bukan sahaja untuk beriadah dan berinteraksi, tetapi juga menunjukkan kreativiti masing-masing," katanya.




**(Dari kiri), AR. Yew Tung Seang, Lim Siew Khim dan Muhamad Ikhwan Ibrahim meneliti arca pasir yang dihasilkan di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Muhamad Ikhwan ketika ditemui berkata, pemilihan warna-warna pada arca pasir *'I Love Penang'* itu adalah berdasarkan warna pada Jalur Gemilang iaitu putih, merah, biru gelap dan kuning, dalam menyemarakkan lagi perasaan cintakan Malaysia.

Turut terukir adalah tema Hari Kebangsaan 'Sayangi Malaysiaku' dan perkataan 'MBPP' serta dihiasi dengan 'bunga raya' dan bentuk 'hati'.

Difahamkan, pembinaan arca berkaitan mengambil masa selama lima hari dengan menggunakan dua tan pasir.

Awal tahun lalu, sempena sambutan Tahun Baru Cina, Muhamad Ikhwan turut menghadiahkan arca pasir berbentuk ayam kepada mantan Ketua Menteri Pulau Pinang.

## 50 keluarga kurang mampu Parlimen Jelutong terima sumbangan

**RINGAN BEBAN...** Seramai 50 keluarga kurang mampu dalam kawasan Parlimen Jelutong menerima bantuan kebajikan berupa barangan keperluan dapur baru-baru ini.

Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N Rayer berkata, sumbangan sedemikian merupakan suatu bentuk bantuan bulanan yang diusahakan beliau dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Parlimen Jelutong tanpa mengira, kaum, agama serta fahaman politik.

"Selain itu, saya juga sedia membantu penduduk Jelutong membabitkan perkara-perkara lain seperti sumbangan kerusi roda, bantuan melanjutkan pelajaran dan lain-lain dengan usahasama Pejabat-pejabat ADUN setempat," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim.




**R.S.N Rayer (kiri sekali) dan Lim Siew Khim (tiga dari kanan) ketika menyampaikan sumbangan dapur kepada golongan memerlukan di sini baru-baru ini.**

## Anjur bengkel tanam keyakinan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

**TANAM KEYAKINAN...** Dalam usaha menanam keyakinan untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid mengambil inisiatif menganjurkan *'Confident Communication an English Speaking Workshop'*.

Penganjuran yang diadakan di Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) baru-baru ini adalah membabitkan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Haji Mohd. Nor Ahmad.

"Saya menyarankan pelajar-pelajar supaya tidak menganggap penggunaan Bahasa Inggeris sebagai beban, sebaliknya terima dengan hati terbuka kerana bahasa berkaitan merupakan jalan kepada ilmu-ilmu lain.

"Pada masa sama, para pelajar juga berpeluang meningkatkan keterampilan diri dalam penguasaan Bahasa Inggeris untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 kini," ucapnya pada majlis berkaitan.

Syerleena dalam pada itu turut merakamkan ucapan penghargaan kepada beberapa pihak swasta yang turut menjayakan program tersebut termasuk guru-guru dari SMK Haji Mohd. Nor Ahmad.

# Festival Batik sebagai acara tahunan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **TANUSHALINI MOROTER**

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berhasrat menjadikan Festival Batik yang julung kali dianjurkan di sini sebagai acara tahunan.

Menurutnya, batik sudah menjadi salah satu identiti bagi negeri-negeri di Pantai Timur dengan sentuhan masing-masing.

"Sentuhan kreatif itulah yang dikagumi dan kini dipromosikan di sini buat kali pertamanya.

"Objektifnya bukan sahaja untuk mempromosikan semula warisan batik, tetapi juga untuk 'mencanting' minat belia bagi mengagumi keunikan batik.

"(Dan) perlu diketahui bahawa batik turut dikenali dan dikagumi bukan sahaja di peringkat nasional, malah juga peringkat antarabangsa," ujar beliau yang mahu menjadikan festival tersebut sebagai acara tahunan yang ditunggu-tunggu bukan sahaja mereka yang mempelopori industri fesyen tetapi juga masyarakat setempat di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

Turut serta pada program anjuran bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor, JKKK Bukit Gelugor, JKKK Island Glades, JKKK Lengkok Bawah dan JKKK Jalan Akuarium berkaitan ialah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Haji Mohd. Nor Ahmad; pelopor batik Malaysia, Noor Arfa Batik; *18 & 18 Resources* dan wakil-wakil dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).



**SALAH seorang pempamer mempromosikan tanjak atau tengkolok batik.**

Dalam pada itu, Soon Hin yang hadir menyempurnakan majlis perasmian penganjuran dua hari itu berkata, festival seumpamanya boleh dijadikan acara tahunan di negeri ini.

"Inilah seni warisan yang harus dipelihara, dan semua lapisan masyarakat harus menikmati keunikan batik," katanya yang juga meluangkan masa meninjau gerai-gerai jualan di Padang Koperasi Sungai Gelugor di sini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik menerusi respons beliau di *Facebook* turut menyatakan kesudian untuk berkolaborasi menganjurkan festival berkenaan pada masa hadapan.



**SYERLEENA Abdul Rashid (berbaju kurung batik ungu) dan Yeoh Soon Hin (kiri sekali) tidak melepaskan peluang mencanting batik pada penganjuran Festival Batik 2018 di sini baru-baru ini.**

## Enam pokok 'sakit' dipangkas demi faktor keselamatan

**SERI DELIMA –** Pemangkasan dahan enam batang pokok berhampiran Lorong Delima 9 adalah demi keselamatan orang awam, tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid.

Katanya, dalam apa juga keadaan, keselamatan orang ramai diletakkan sebagai keutamaan.

"Pokok-pokok yang dipangkas didapati 'sakit', dan perkara ini disahkan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), yang mana ia (pokok) boleh memudaratkan nyawa, kenderaan serta lain-lain faktor keselamatan.

"Jadi demi keselamatan, adalah lebih baik ia dicantas, bukan ditebang," katanya pada sidang media di sini 4 September lalu.

Mengulas lanjut, Syerleena menyatakan bahawa terdapat satu petisyen bantahan ditandatangani kira-kira 200 penduduk kawasan berkenaan berhubung tindakan berkaitan sebelum ini.

"Saya telah berjumpa dengan mereka (penduduk), dan perjumpaan tersebut membuahkan keputusan positif," jelasnya.

Menurut Syerleena, beliau juga telah bertemu dengan pihak MBPP untuk membincangkan hal berkenaan sebelum memaklumkan kepada penduduk.

"Kita pun tak nak menyusahkan MBPP buat kerja, malah pada masa sama, penduduk juga perlu memahami situasi tersebut dengan lebih baik," ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut menyeru para pengguna Jalan Delima agar memperlahankan kenderaan serta mematuhi papan tanda jalan.

"Keselamatan perlu diutamakan.

"Saya tahu ada juga yang buat aduan tidak berpuas hati berhubung pembinaan bonggol jalan, tetapi di situ adalah kawasan perumahan, maka kenderaan perlu mengurangkan kelajuan," tegasnya.

## ADUN seru penduduk ambil peduli kebersihan, basmi denggi

**BAYAN LEPAS –** Berlandaskan kesedaran terhadap ancaman denggi yang semakin meningkat di Flat Mutiara Perdana di sini, pejabat Pusat Khidmat KADUN Bayan Lepas bersama-sama penduduk setempat mengambil inisiatif mengadakan gotong-royong khas untuk membasmi pembiakan nyamuk Aedes di kawasan sekitarnya.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Azrul Mahathir Aziz berkata, peningkatan kes denggi di kawasan tersebut amat membimbangkan dan ia perlu diberi perhatian serius oleh penduduk.

Katanya, kesedaran itu perlu wujud dalam kalangan penduduk di sini, apatah lagi menurut rekod, flat berkenaan merupakan *hotspot* utama catatan kes denggi dengan 33 laporan sebulan termasuk turut meragut nyawa seorang pelajar berusia 9 tahun, tahun lalu.

"Penduduk harus bangun dan sedar akan ancaman denggi, kita seharusnya ambil peduli tentang kebersihan persekitaran kediaman.



**AZRUL Mahathir Aziz (berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian anak muda yang hadir menjayakan penganjuran gotong-royong khas di sini baru-baru ini.**

"Kita harus buang sikap acuh tidak acuh dengan sewenang-wenang membuang sampah keluar dari tingkap. Budaya ini harus dihentikan!" tegasnya sambil menyelar tindakan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab yang bertindak membaling sampah dari tingkat atas flat hingga menyebabkan ia bertaburan di atas laluan.

Kira-kira 300 penduduk dan wakil daripada pelbagai agensi Negeri serta Persekutuan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) dan Wanita Amanah Kawasan Balik Pulau (AWAN) turut sama membanting tulang bagi menjayakan penganjuran program murni tersebut.

(Sambungan dari muka 14).

# Terima kasih, sumbangan dimanfaat untuk persiapan awal ke IPT

**BERSEMPENA** dengan Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT Tahun 2018/2019, wartawan Buletin Mutiara **YUSNINA MOHAMAD YUSOF** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** dan **AHMAD ADIL MUHAMAD** berkesempatan menemubual beberapa penerima sebagai perkongsian.

Ikuti apa pendapat mereka berhubung inisiatif berkaitan.



ABDUL Rashid Wahab.

Waris penerima, **ABDUL RASHID WAHAB**, melahirkan rasa syukur di atas keprihatinan Kerajaan Negeri membantu meringankan beban beliau menyara perbelanjaan anaknya, Nor Farisha Abdul Rashid ke Politeknik Seberang Perai.

"Dapatlah dia (Nor Farisha) gunakan wang ini membayar yuran pengajiannya," ujarnya.



NUR Nasya Izzaty Azizan.

Begitu juga dengan **NUR NASYA IZZATY AZIZAN**, baginya keprihatinan serta bantuan daripada Kerajaan Negeri adalah amat dihargai bagi membolehkan beliau menyambung pengajian di IPT.

"Dengan bantuan ini dapatlah menambah keperluan yang belum cukup di universiti," ujarnya yang kini menyambung pengajian di Universiti Malaya (UM) di dalam jurusan pelancongan.



TAN Zhee Sing.

Bagi **TAN ZHEE SING**, seorang graduan Universiti Tunku Abdul Rahman memberitahu bahawa wang tersebut akan dimanfaatkannya sebaik mungkin sebagai wang saku beliau.

"Ia (bantuan) memberi kesan kepada keluarga berpendapatan rendah bagi membayar yuran pengajian selain menambah wang saku bulanan," katanya sambil menyatakan bahawa beliau dan dua rakannya yang lain pertama kali menerima bantuan berkenaan.



ZUHAIRI Zabidi.

Nada sama turut diluahkan **ZUHAIRI ZABIDI**, 19, yang bakal menyambung pelajaran ke Politeknik Seberang Perai dalam jurusan elektrik dan elektronik.

"Saya berasa amat bersyukur, walaupun jumlah bantuan tidak besar tapi amat membantu mengurangkan beban ibu bapa.

"Bantuan ini akan saya gunakan untuk membeli buku-buku rujukan dan peralatan yang diperlukan semasa pengajian nanti," ujarnya yang menerima bantuan sebanyak RM300.

Seorang ibu yang hanya mahu dikenali sebagai **GNANAMBAL** menyatakan bahawa pemberian bantuan pendaftaran tersebut mampu meringankan beban keluarganya.

"Pemberian (bantuan) ini amatlah membantu keluarga saya, memandangkan ini adalah anak pertama yang masuk ke universiti," jelasnya yang mewakili anaknya, R. Subhalanashmi, 21, yang kini menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam jurusan ekonomi.



GNANAMBAL.

Bagi **NURUL IZZATI IDRIS**, 18, yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Politeknik Seberang Perai di dalam jurusan Teknologi Digital menyatakan, sumbangan tersebut mampu meringankan beban ibu bapanya yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk menampung keperluan menyambung pelajaran beliau.

"Saya akan gunakan wang tersebut untuk perbelanjaan harian semasa di politeknik nanti. Terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri kerana memberikan sumbangan ini," jelasnya.



NURUL Izzati Azahari.

**NORSYAZWANI IZZATI AZAHARI**, 18, pula menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang bermurah hati menghulurkan bantuan kewangan kepada pelajar yang mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke IPT.

"Sememangnya bantuan ini dapat mengurangkan beban pelajar yang memerlukan banyak wang sebagai perbelanjaan awal.

"Saya terima sumbangan sebanyak RM1,000 yang mana saya akan gunakan wang ini untuk membayar yuran awal masuk universiti dan selebihnya untuk membeli buku," katanya yang mendapat tawaran menyambung pelajaran ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sungai Petani dalam jurusan Pengurusan Pejabat.



NORSYAZWANI Izzati Azahari.

Menurut **LIM SIN HUI**, 18, yang akan menyambung pengajian dalam bidang perakaunan di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri bukan sahaja mampu meringankan beban ibu bapanya, malah dapat membantu pelajar-pelajar melakukan persiapan awal untuk masuk ke universiti.



LIM Sin Hui.